www.mfa.org.my

# LAPORAN
## TAHUNAN 2020




PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

MFA

MENGEKALKAN KESINAMBUNGAN INDUSTRI FRANCAIS

WORLD FRANCHISE COUNCIL | Asia Pacific Franchise Confederation | FRANCHISE MALAYSIA

# Kandungan


- **Perutusan :** YB Menteri
  *Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)*
- **Perutusan :** Pengerusi
  *Persatuan Francais Malaysia* (MFA)

## 4 **Perihal**MFA

4 ▪ Visi, Misi, Objektif dan Peranan MFA
5 ▪ Maklumat Korporat
6 ▪ Struktur Korporat
8 ▪ Kepimpinan MFA
10 ▪ Profil Ahli Jawatankuasa Utama
13 ▪ Jawatankuasa Kecil
14 ▪ Pasukan Sekretariat
16 ▪ Sorotan Pencapaian Aktiviti 2020
17 ▪ Sorotan Kewangan
18 ▪ Perancangan Strategi 2021 - 2023





## 19 **Program**& Aktiviti

21 ▪ Keterlibatan dengan Industri
35 ▪ Program Kerjasama
49 ▪ Pengurusan Acara & Program Latihan
55 ▪ Sokongan Keahlian
60 ▪ Promosi & Pengiklanan

## 65 **Penyata**KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DIS 2020

66 ▪ Laporan Prestasi Kewangan
70 ▪ Laporan Juruaudit Bebas
71 ▪ Laporan Berkanun JKU
71 ▪ Akuan Berkanun
72 ▪ Lembaran Imbangan
72 ▪ Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
73 ▪ Penyata Penerimaan & Pembayaran
74 ▪ Nota - Nota Kewangan

## 82 **Penghargaan**

▪ Keahlian MFA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA




**Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi**
*Menteri, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)*

***Salam Sejahtera.***

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan kata-kata aluan di dalam Laporan Tahunan Persatuan Francais Malaysia (MFA) Tahun 2020 ini.

Tahun 2020 merupakan tahun yang penuh cabaran bagi masyarakat seluruh dunia apabila pandemik Covid-19 melanda dan sekaligus mencetuskan pelbagai kesan kepada negara. Namun, hasil tindakan yang baik melalui pelbagai program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan, kesan tersebut dapat diminimakan.

Dalam menangani cabaran ini, KPDNHEP terus komited untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada semua pihak berkepentingan dalam industri francais dengan sentiasa melaksanakan polisi mesra francais bagi memastikan pertumbuhan positif perniagaan francais yang bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada usahawan, pengguna, pembekal perkhidmatan sokongan dan kerajaan bahkan kepada masyarakat keseluruhannya.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan MFA dalam melaksanakan pelbagai aktiviti francais di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sungguhpun menghadapi cabaran komunikasi dalam norma baharu, program-program yang telah dilaksanakan ini telah mengadaptasikan kaedah pendekatan digital dalam usaha menyampaikan maklumat kepada golongan sasar. Sepanjang tahun 2020, antara program kerjasama yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dan MFA adalah Program Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2020 (FIM2020), Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP), Malaysia Digital Franchise Expo 2020 (MyDigiFex), Siri Webinar Francais, Jelajah Franchise Bay dan Bengkel Pelan Hala Tuju Pembangunan Francais.

Melangkah ke tahun 2021, kami di Kementerian akan terus mempergiatkan usaha untuk memperkasakan industri francais selaras dengan visi bahagian francais Kementerian untuk mewujudkan industri francais yang dinamik, berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan serta menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara dengan pelbagai program yang dirangka untuk dilaksanakan.

Antara fokus utama KPDNHEP bagi menjayakan matlamat ini adalah melaksanakan Program Francais Mikro dan Francais Mampu Milik dengan menggalakkan penglibatan lebih ramai rakyat khususnya golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang perniagaan francais dan memilih francais sebagai kerjaya pilihan. Penambahbaikan portal MyFEX, program promosi francais, program latihan francais, dan misi pengantarabangsaan juga antara program dan aktiviti yang telah dirangka pada tahun 2021 bagi mewujudkan industri francais yang mampan dan berdaya maju.

Pencapaian pada hari ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa penglibatan dan budaya kerja cemerlang yang dipamerkan oleh semua pihak. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada barisan Jawatankuasa Utama MFA 2019/2021 terutamanya Pengerusi MFA, Datuk Dr Radzali Hassan, warga KPDNHEP, ahli-ahli MFA dan para penggiat industri sama ada sektor francais dan sektor yang berkaitan kerana sentiasa komited dan berganding bahu dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk bersama-sama membangunkan dan memperkasakan industri francais Malaysia.

Semoga sokongan padu dan iltizam para penggiat francais dalam menyokong usaha kerajaan untuk membangunkan industri francais Malaysia akan menjadikan Malaysia sebagai hab francais di Asia Tenggara sebagaimana yang telah disasarkan. Saya juga berharap semoga usaha murni kita ini akan memberi kejayaan yang lebih cemerlang dan membanggakan negara kita.

Sekian, Selamat Maju Jaya.



MFA

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Radzali Bin Hassan**
Pengerusi, Persatuan Francais Malaysia

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.***

Bersyukur kita ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan perkenanNya, MFA dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2020 yang memaparkan pencapaian pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2020 selaras dengan visi dan misi MFA walaupun berhadapan dengan cabaran getir pandemik.

Sejak saya menerajui MFA, saya sentiasa berpandangan positif dalam menghadapi cabaran untuk memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan serta menekankan penglibatan aktif warga MFA untuk sentiasa berkomunikasi dengan para ahli, kerajaan, pemegang taruh, serta pihak yang berkepentingan bagi memastikan maklumat atau program dan aktiviti yang dirangka dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Saya bersama-sama barisan Ahli Jawatankuasa Utama sentiasa komited untuk melestarikan MFA, agar menjadi Pertubuhan yang cemerlang dalam membangunkan dan memperkasakan perniagaan francais di Malaysia serta melahirkan ramai usahawan yang inovatif, berdaya saing dan kompeten terutamanya usahawan francais. Bagi menjayakan matlamat ini, MFA sememangnya mendokong hasrat kerajaan untuk membangunkan dan mengembangkan industri francais Malaysia ke serata dunia dengan mengadakan kerjasama secara berterusan dengan pelbagai pihak kerajaan dan agensi terutamanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menyingkap pencapaian MFA dalam tahun 2020, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dengan jayanya sama ada secara maya atau bersemuka seperti siri perbincangan dan mesyuarat dengan para ahli dan pihak berkepentingan, Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM), Program Latihan Francais, dan Program Malaysia Digital Franchise Expo 2020 di bawah Program Pengukuhan Francais Bagi Meningkatkan Eksport (EFDP).

Kesemua kejayaan dan pencapaian ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa semangat dan komitmen jitu yang ditunjukkan oleh semua warga kerja MFA serta penglibatan serta sokongan daripada penggiat francais keseluruhannya, bagi memastikan industri francais Malaysia terus gah dan berkembang di serata dunia.

Melangkah ke hadapan, saya berkeyakinan bahawa MFA akan kekal efisien dalam menyediakan perkhidmatan terbaik, kami akan terus berusaha untuk meningkatkan pencapaian yang dapat memberikan kebaikan terhadap ahli-ahli dan masyarakat melalui pelbagai program dan aktiviti akan dirangka. Penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada semua warga MFA iaitu barisan Ahli Jawatankuasa Utama, barisan pengurusan dan seluruh pegawai MFA yang telah bersama-sama berusaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan MFA dan terus kekal setia dalam mengharungi pelbagai cabaran dalam usaha menuju kecemerlangan dan kegemilangan MFA.

Dikesempatan ini juga, sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terutamanya Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) di atas kerjasama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan dan mempromosikan perniagaan francais tempatan. Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) dan agensi-agensi Kerajaan di atas sokongan dalam usaha memartabatkan industri francais di Malaysia.

Saya juga yakin dengan komitmen dan sokongan berterusan yang tidak berbelah bahagi daripada kerajaan, ahli-ahli dan semua pihak yang berkepentingan, MFA akan dapat mencapai kecemerlangan dan kegemilangan pada tahun-tahun mendatang sejajar dengan visi dan misi penubuhan MFA. Akhir sekali, kepada para ahli kami, terima kasih kerana menjadi aspirasi kami untuk melangkah lebih jauh. Semoga segala usaha yang kita lakukan dengan ikhlas akan dipermudahkan oleh Allah SWT jua.

Sekian, Wassalam.

## Objektif

1. Menyatukan tenaga ahli-ahli untuk menjaga kepentingan mereka.
2. Memupuk dan mempertahankan imej perniagaan francais dengan menggalakkan amalan perniagaan secara beretika.
3. Mendokong usaha kerajaan untuk menggalakkan penyertaan bumiputera secara langsung dan aktif dalam perniagaan francais.
4. Untuk menyelaras kemudahan dan infrastruktur yang tersedia bagi pembangunan Francais di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

**Misi** Menggembelingkan Francaisor, Francaisi dan Institusi Sokongan dalam satu semangat kekeluargaan, bagi memupuk imej yang cemerlang untuk perniagaan Francais.

**Visi** Menjadi pendokong dan penggerak utama mewakili masyarakat Francais ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi Pusat Serantau Pembangunan Francais.

# MiSi & ViSi PENYATAAN

# **Maklumat**Korporat

## Ahli Jawatankuasa Utama

**Datuk Dr. Radzali Hassan**
Pengerusi

**Dato' Zahriah Abdul Kadir**
Naib Pengerusi

**Deric Yeo Chin Lee**
Naib Pengerusi

**Mohamad Shukri Salleh**
Setiausaha Agung

**Rozaiman Che Kar**
Bendahari

**Ramilan Abdul Rahman**
Penolong Bendahari

**Dato' Dr. Ir. Rohaizi Bin Mohd Jusoh**
Pengerusi Pendaftaran & Etika

**Dr. Alauddin Sidal**
Ahli Jawatankuasa Utama

**Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman**
Pengerusi Penyelidikan & Pendidikan

**Kairul Azman Mohd Yusof**
Pengerusi Promosi & Perhubungan Awam

**Jacky Lim Kheng Aun**
Naib Pengerusi Promosi & Perhubungan Awam

**Mazlan Ibrahim**
Naib Pengerusi Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa

**Neoh Eng Kee**
Pengerusi Rundingcara & Kebajikan

**Nor Aliza Ali**
Pengerusi Bersama Pembangunan Perniagaan

**Paul Ang Beng Teck**
Pengerusi Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa

**Terry Lim**
Naib Pengerusi Penyelidikan & Pendidikan

## Ahli Jawatankuasa Eksekutif

**Datuk Dr. Radzali Hassan**
Pengerusi

**Deric Yeo Chin Lee**
Naib Pengerusi

**Mohamad Shukri Salleh**
Setiausaha Agung

**Rozaiman Che Kar**
Bendahari

**Dato' Dr. Ir. Rohaizi Bin Mohd Jusoh**
Pengerusi Pendaftaran & Etika

## Juruaudit Dalaman

Amran Abd Hamid
Joyce See Siok Mee

## Juruaudit Luar

**MESSRS. HALIM AHMAD & CO**
**(Chartered Accountants)**
Unit 11-2, 3rd Mile Square,
No. 151, Jalan Klang Lama,
Batu 3 1/2,58100 Kuala Lumpur.

## Bahagian Pengurusan

**Ahmad Faizal Mohamed Noor**
Ketua Eksekutif

**Zuraida Jomri**
Pengurus Besar / Ketua Bahagian Komunikasi Korporat & Keahlian

**Mohd Faizal Abd Latip**
Timbalan Pengurus Besar / Ketua Bahagian Pengurusan Acara & Program Latihan

**Wan Muhammad Zainal Wan Yahya**
Timbalan Pengurus Besar / Ketua Bahagian Perancangan Strategik

**Siti Khadijah Mohd**
Pengurus Kanan / Ketua Bahagian Pentadbiran Korporat, Kewangan & ICT

## Pejabat Bedaftar

J2-1, Boulevard Business Park
Jalan Kuching,
No. 115, Jalan Kepayang
Off Jalan Kuching,
51200 Kuala Lumpur
No Tel: 603-6241 4141
No Fax: 603-6241 1551

## Bank Utama

RHB Bank Berhad
Maybank Berhad
Bank Rakyat

## Saluran Media Korporat

**website:** www.mfa.org.my
**fb:** FranchiseMalaysia
**Insta:** franchisemalaysia
**Twitter:** FranchiseMY
**Youtube:** MY Franchise Hub

# StrukturKorporat




** maklumat sehingga 30 Oktober 2021*



"***Kepimpinan yang berpandukan kepada amalan terbaik pengurusan dan kecekapan pengurusan masa merupakan kunci kepada pembinaan budaya organisasi cemerlang.***

Saya percaya kerja berpasukan di antara kepimpinan dan pengurusan akan dapat meningkatkan kecekapan MFA dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada ahli MFA dan pihak-pihak yang berkepentingan."

# KepimpinanMFA


Datuk Dr. Hj Radzali Hassan


Deric Yeo Chin Lee


Dato' Zahriah Abd Kadir

**Kepelbagaian keanggotaan Ahli Jawatankuasa Utama untuk memastikan manfaat keahlian dan perkhidmatan terbaik merangkumi semua kategori keahlian agar MFA terus relevan demi pertumbuhan industri francais secara holistik dan komprehensif.**

## Kepelbagaian Kategori Keahlian





Mohamad Shukri Salleh


Rozaiman Che Kar


Ramilan Abdul Rahman


Dato' Dr Ir Rohaizi Mohd Jusoh



Professor Dr Azmawani Abd Rahman



Jacky Lim Kheng Aun



Kairul Azman Mohd Yusof



Mazlan Ibrahim

## Kepelbagaian Latarbelakang

- Makanan & Minuman
- Perkhidmatan Pembersihan Rumah/ Komersial
- Perhotelan
- Perkhidmatan Dobi
- Pusat Pembelajaran
- Kesihatan & Rawatan Kecantikan
- Perkhidmatan Pajak Gadai Islam
- Alatan Pejabat dan Alatulis
- Agensi Kerajaan
- Firma Guaman
- Insittusi Pengajian Tinggi








**Barisan Ahli Jawatankuasa Utama** mempunyai kepelbagaian pengalaman dan sudut kemahiran dalam perniagaan dan pengurusan organisasi agar dapat memahami cabaran dan menjadi suara kepada ahli dalam menyampaikan hasrat industri kepada pihak yang berkepentingan.











Terry Lim



Paul Ang



Neoh Eng Kee



Nor Aliza Ali

# ProfilAHLI JAWATANKUASA UTAMA

## Datuk Dr. Hj Radzali Hassan

*Pengerusi*

Dilahirkan pada Februari 1957 di Sungkai, Perak. Beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Harta Maintenance Sdn Bhd (Harta) dan berpengalaman luas lebih 38 tahun dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran. Beliau memiliki Ph.D dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Warsaw Management University pada tahun 2019.

Antara pencapaian terbaik Harta dibawah kepimpinan beliau adalah apabila Harta telah diiktiraf sebagai Énterprise 50 Award' (2017), Anugerah Majikan Francais Terbaik (2014) dan Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik (2013) sempena Anugerah Francais Malaysia serta Anugerah Usahawan Gigih Kementerian Pembangunan Usahawan (1988).

Di atas dedikasi dan komitmen beliau terhadap pembangunan usahawan dan perniagaan francais, Datuk Dr Radzali telah dilantik sebagai Pengerusi MFA pada tahun 2017 sehingga kini. Sebagai Pengerusi MFA, Datuk Dr Radzali berperanan untuk menetapkan halatuju Persatuan dan memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan memberi manfaat kepada ahli, industri dan negara selain menjadi suara ahli untuk menyampaikan hasrat industri francais kepada kerajaan. Selain itu, Datuk Dr Radzali juga terlibat sama dalam pembangunan francais di peringkat global dengan menganggotai Lembaga Penasihat Francais KPDNHEP, ahli World Franchise Council dan Asia Pacific Franchise Confederation, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Eksport Francais, Ahli Retail and F&B Productivity Nexus Governing Committee.

Datuk Dr Radzali juga bergiat aktif dengan lain-lain Persatuan dan antaranya sebagai Ahli Pengasas Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM), Fellow Malaysian Institute of Management dan Ahli bagi Air and Waste Management (USA).

Selain terlibat dengan Persatuan. Datuk Dr Radzali juga terlibat dalam pelbagai sektor korporat dan telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Yayasan Modal Insan Harta (YMIH), Pengarah Atalian Global Services Sdn Bhd, Pengerusi QDOS Technology Sdn Bhd, Pengerusi QDOS Flexcircuits Sdn Bhd, Pengarah QDOS Holdings Bhd, Pengarah Hozone Sdn Bhd, Pengarah Suiwah Corporation Bhd, Pengerusi Green and Smart Sdn Bhd, Pengerusi Eksekutif Traksons Corporation Sdn Bhd, Pengerusi Eksekutif Cytopro Sdn Bhd dan Pengerusi Eksekutif Setia Aquacultor Industries Sdn Bhd.

## Deric Yeo Chin Lee

*Naib Pengerusi*

Dilahirkan pada 26 April di Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan Ketua Pegawai Pembangunan di Kopitiam Asia Pasific Sdn Bhd dan berpengalaman luas dalam bidang Sumber Manusia dan Pemasaran. Beliau berkelulusan dalam Pengajian Bahasa Moden dan Sains Komputer di Universiti Putra Malaysia.

Memulakan kerjaya beliau dalam Pembangunan Manusia untuk industri peruncitan dan F&B, Pakar Strategi Sumber Manusia di syarikat konglomerat dan Pembangunan Perniagaan Francais. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama di bawah JKK Penyelidikan & Pendidikan pada tahun 2017 sehingga 2019 dan seterusnya dilantik sebagai Naib Pengerusi MFA pada 2019 sehingga kini. Deric Yeo sering dijemput ke program latihan francais seperti Persidangan Francais Antarabangsa, Kursus Asas Perniagaan Francais, International Franchise Management Certification Course (IFM) dan Grow Your Franchise Certification Course (GYF).

## Dato' Zahriah Abd Kadir

*Naib Pengerusi*

Dato' Zahriah merupakan Pengarah Urusan Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd yang mengendalikan Hotel Seri Malaysia Kangar dan berpengalaman luas dalam bidang Perhotelan dan Pengurusan. Berkelulusan Sarjana Master (MA) didalam bidang Polisi dan Strategi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau telah berkhidmat sebagai pegawai kerajaan selama 19 tahun dipelbagai jabatan dan kementerian serta mempunyai pengalaman lebih 10 tahun sebagai Franchaisor di Rangkaian Hotel terbesar di Malaysia iaitu rangkaian hotel berasaskan Sistem Francais iaitu Hotel Seri Malaysia. Jawatan terakhir adalah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan.

Menceburkan diri sebagai Usahawan/ Francaisi Hotel Seri Malaysia Kangar sejak tahun 2011. Dato'Zahriah telah dilantik sebagai Bendahari kepada Persatuan Pemilik-Pemilik Hotel (MAHO) pada tahun 2010 sehingga 2012, Bendahari dalam Persatuan Hotel Budget Kedah/Perlis (MYBHA) pada tahun 2019 sehingga kini dan beliau juga merupakan Pengerusi Koperasi FELCRA Gugusan Durian Daun, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKI Malam Anugerah Francais (2014,2015,2016,2017 dan 2019), Penolong Setiausaha (2011-2019) dan kini beliau berkhidmat sebagai Naib Pengerusi MFA pada tahun 2019 sehingga kini.

Atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan, beliau telah dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang oleh Sultan Pahang pada tahun 2013.

## Mohamad Shukri Salleh

*Setiausaha Agung*

Mohamad Shukri merupakan Pengerusi Franchise Channel (M) Sdn Bhd dan berpengalaman luas dalam bidang Perniagaan Francais. Mendapat kelulusan Diploma Elektronik dari Federal Institute Technology (FIT).

Beliau merupakan salah seorang anggota pengasas MFA pada tahun 1994. Sejak itu, beliau aktif dalam industri francais dan dilantik sebagai ahli jawatankuasa utama MFA sehingga kini. Beliau telah memangku jawatan JKI Franchise Media Bowling, JKI Franchise Media Futsal, JKI Franchise Hunt, JKI Franchise International Malaysia, JKK Promosi & Perhubungan, Jawatankuasa Eksekutif, Penolong Setiausaha dan Setiausaha Agung.

Beliau merupakan penceramah dan moderator yang kerap dijemput ke persidangan, seminar dan bengkel di peringkat antarabangsa dan tempatan, termasuk mengambil bahagian dalam konvensyen WFC dan APFC. Beliau juga telah menerima pengikitirafan Anugerah Penghargaan Khas 2001 – Kategori Individu dari Persatuan Francais Malaysia diatas sumbangan beliau kepada sektor francais di Malaysia.

## Rozaiman Che Kar

*Bendahari*

Dilahirkan di Kota Bharu pada Ogos 1970. Beliau merupakan Pengarah Urusan Ria-Two Sdn Bhd sejak 2001 dan berpengalaman luas dalam bidang perniagaan dan Koperasi. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau merupakan perintis dalam menubuhkan Persatuan Usahaniaga UUM pada tahun 1991. Memulakan kerjaya beliau sebagai Juruaudit Dalaman di Berjaya Prudentia Insurance pada 1994, seterusnya Pegawai Kewangan Perdangangan di Bank Bumiputera Malaysia Bhd dan berkecimpung dalam syarikat logistik sebagai Pegawai Kewangan sebelum menubuhkan RTSB. I

Sebelum dilantik sebagai Bendahari MFA pada 2019, beliau telah berkhidmat sebagai AJK JKI Franchise International Malaysia (2012), Naib Pengerusi JKK Kebajikan & Rundingcara (2017-2019), Pengerusi JK Kewangan (2011-2015), Ahli Jawatankuasa Eksekutif (2009-kini), Bendahari (2011-2017) dan Penolong Setiausaha (2017-2018). Beliau telah menerima Anugerah Young Franchise Entrepreneur pada tahun 2008.

## Ramilan Abdul Rahman

*Penolong Bendahari*

Dilahirkan di Pasir Puteh Kelantan pada Februari 1965. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kelas 2 Atas) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan Pengurus Besar Permodalan Kelantan Berhad sejak 2016 sehingga sekarang.

Memulakan kerjaya beliau sebagai Pegawai Kerja Akaun di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan meneruskan kariernya di Pusat Perubatan An-Nisa', Hotel Al-Ansar, Pekoma Sdn Bhd, Institut Teknologi Darul Naim – ITD dan Infra Quest Sdn Bhd. Beliau dilantik sebagai Penolong Bendahari dalam Jawatankuasa Utama MFA pada 2019.

## Professor Dr Azmawani Abd Rahman

*Pengerusi Penyelidikan & Pendidikan*

Beliau merupakan Pengarah Strategi Korporat dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Pejabat beliau memainkan peranan penting dalam fungsi utama universiti termasuk dalam perhubungan awam dan media, komunikasi strategik, perancangan strategik, pemantauan dan penilaian prestasi universiti. Beliau juga merupakan pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi di UPM. Beliau aktif dalam melaksanakan program kerjasama dengan pihak industri sebagai penasihat, penilai dan perunding.

Beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama sejak tahun 2015 dan penglibatannya dengan MFA termasuk sebagai panel penilaian, jawatankuasa teknikal, dan pengerusi Anugerah Francais Malaysia dan Persidangan Antarabangsa Francais yang berprestij. Beliau telah membuat lebih dari 50 penampilan di media termasuk surat khabar, televisyen dan radio melalui tulisan dan perkongsian beliau di racangan-rancangan terbitan stesen tersebut. Beliau telah menerbitkan lebih dari 100 artikel dalam jurnal dan buku. Professor Dr Azmawani dilantik sebagai penulis rasmi untuk Anugerah Kecemerlangan Perniagaan Perbadanan Produktiviti Malaysia dan juga Anugerah Kecemerlangan Industri Ketua Menteri.

## Dato' Dr Ir Rohaizi Mohd Jusoh

*Pengerusi Pendaftaran & Etika*

Dilahirkan pada 1962, berkhidmat sebagai Pengerusi di Koperasi Staff CIDB Malaysia Berhad (Ar-Rahnu X'Change) dan berpengalaman luas dalam bidang Pembinaan. Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di University of Glaslow, meneruskan PhD beliau di University of Saby, France dan mendapat gelaran Prof. Madya daripada University of Lincoln.

Dato' Ir Rohaizi telah bergiat aktif dengan pelbagai Persatuan sebagai Mantan Presiden kepada Persatuan Anak- Anak Kelantan, Johor, Felo kepada Yayasan Islam, Sains dan Teknologi Thailand, Felo kepada Malindo Business Council dan Pengerusi kepada KOSA S79. Beliau dilantik sebagai Pengerusi JKK Pembangunan Perniagaan, Persatuan Francais Malaysia pada tahun 2017 sehingga 2019 dan Pengerusi JKK Pendaftaran dan Etika pada tahu 2019 sehingga kini. Beliau telah dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang pada Mei 2010.

## Jacky Lim Kheng Aun

*Naib Pengerusi Promosi & Perhubungan Awam*

Berasal daripada Pulau Pinang dan dilahirkan pada Jun 1975. Beliau merupakan Pengasas dan pengarah kepada Goldlife Marketing Sdn Bhd (MEIKO). Berpengalaman selama lebih 21 tahun dalam pemasaran, 13 tahun dalam pengurusan rantaian dan 13 tahun dalam strategi penjenamaan.

Beliau telah dilantik sebagai Naib Pengerusi JKK Promosi dan Perhubungan Awam pada tahun 2019 sehingga kini. Beliau telah dinobatkan sebagai The 100 Most Influential Young Entrepreneurs pada tahun 2019. Beliau merupakan seorang pelatih kepada usahawan yang telah mendapat sijil HRDF dan telah menubuhkan satu akademi perniagaan iaitu Maction Academy pada tahun 2019.

## Kairul Azman Mohd Yusof

*Pengerusi Promosi & Perhubungan Awam*

Dilahirkan di Teluk Intan, Perak pada Julai 1973. Beliau merupakan Pengarah Francais Antarabangsa Marrybrown Sdn Bhd. Beliau telah berkhidmat kepada Marrybrown sejak tahun 2003 dan berpengalaman selama 20 tahun dalam bidang F&B.

Memulakan kerjaya beliau di dalam bahagian operasi dan meneruskan karier sebagai Ketua Bahagian Latihan dan Ketua Bahagian Francais. Beliau menguruskan kesemua outlet Marrybrown untuk enam (6) buah negara dalam operasi, latihan, pemasaran dan pengembangan perniagaan termasuk Sweden, Afrika, UAE, India, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura. Telah dijemput untuk menjadi salah satu penceramah dalam latihan francais sejak 2017. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKK Promosi dan Perhubungan Awam pada tahun 2019 sehingga kini.

## Mazlan Ibrahim

*Naib Pengerusi Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa*

Beliau merupakan lulusan Chartered Institute of Management Accountants (CIMA). Memulakan karier beliau dengan Ban Hin Lee Bank pada tahun 1994 sebelum menyertai Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) pada tahun 1995 dan seterusnya bersama Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada tahun 1998.

Hampir 25 tahun, terlibat dalam pembangunan keusahawanan dan perniagaan, pembiayaan dan pelaburan. Pada tahun 2004, beliau telah mengetuai Jabatan Pembangunan Francais yang diamanatkan untuk menjayakan Program Pembangunan Francais (PPF) di bawah Kemeterian Pembangunan Usahawan (KPUN).

Kini, beliau merupakan Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Francais PERNAS yang merangkumi latihan, pembangunan dan pembiayaan francais.

## Neoh Eng Kee

Manjit Singh Schadev, Mohamad Radzi & Partners

*Pengerusi Rundingcara & Kebajikan*

Dilahirkan pada 1969 di Taiping, Perak. Beliau merupakan Peguambela dan Penguamcara di Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang Perundangan selama 21 tahun. Berkelulusan daripada Univertsity of London. Beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA sejak tahun 2017 sehingga kini. Beliau juga turut aktif dalam persatuan lain seperti Ahli Jawatankuasa Persatuan Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga Malaysia (MAATFA), Penasihat dalam Persatuan Rantaian Peruncit Malaysia (MRCA) dan Penasihat dalam Persatuan Farmasi Malaysia (MPF).

## Paul Ang

*Pengerusi Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa*

Merupakan Pengarah Urusan kepada City Coin Laundry Sdn Bhd (LaundryBar). Dilahirkan di Kuala Lumpur pada Oktober 1974. Berkelulusan daripada The Associate of International Accountants pada tahun 1999 dan Diploma dalam Taxation pada tahun 2002. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa pada tahun 2018 sehingga kini. Beliau telah berkhidmat sebagai perunding di Grant Thornton Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan audit, cukai dan khidmat nasihat kepada syarikat.

Selain itu, beliau juga turut berkhidmat di Ernst & Young di bawah perkhidmatan profesional global sebelum memperkenalkan jenama LaundryBar yang menawarkan pakej perniagaan francais kepada usahawan SME. Beliau bersama rakan kongsi yang lain berjaya membuka lebih 500 outlet di Malaysia,Thailand, Brunei dan Turkey. City Coin Laundry Sdn Bhd telah menerima banyak anugerah termasuk SME 100 Awards 2016, Nan Yang Golden Eagle Award 2017 dan Sin Chew Award 2017.

## Nor Aliza Ali

*Pengerusi Bersama Pembangunan Perniagaan*

Merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Chatime Malaysia. Beliau dilahirkan di Negeri Sembilan pada November 1984. Beliau merupakan graduan daripada Imperial College London dalam Master of Engineering, Materials Science & Engineering. Berpengalaman lebih 10 tahun dalam dalam industri Makanan dan Minuman (F&B). Beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dalam bahagian Pembinaan & Pembangunan pada tahun 2007 sehingga 2010 dan beliau juga merupakan francaisi kepada dua outlet-Chatime pada 2011 sehingga 2016.

Beliau telah dilantik sebagai Naib Pengerusi JKI Franchise International Malaysia (FIM) pada tahun 2019 sehingga kini. Pada tahun 2018, beliau telah menerima beberapa anugerah termasuk The BrandLaureate – Woman of the Year , The BrandLaureate – Woman CEO of the Year, Asia Pacific Entrepreneurship Awards 2018 – Outstanding Category dan Outstanding National Entrepreneurs) Awards – Women in Business 2018.

## Terry Lim

*Naib Pengerusi Penyelidikan & Pendidikan*

Merupakan Ketua Pegawai Pemasaran Global Art & Creative Sdn Bhd. Global Art telah berkembang ke 19 negara dengan 600 pusat dan pendaftaran 1,000,000 pelajar di seluruh dunia. Sejak 2004, Terry Lim telah merekrut lebih daripada 60 francaisi untuk Global Art. Kepakarannya adalah dalam pembangunan perniagaan, pembinaan pasukan, media dalam talian & sosial, penjualan & pemasaran dan pembinaan rangkaian. Selain itu, beliau turut terlibat dalam aktiviti perkongsian pengetahuan dan pengalamannya dalam industri francais dan perniagaan di Malaysia juga antarabangsa. Dia telah dijemput untuk menjadi salah satu penceramah dalam latihan francais sejak 2016.

# JawatankuasaKECIL




| Jawatankuasa | Objektif |
|---|---|
| Pendaftaran & Etika **(RET)** | Menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli, memperakukan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama, bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-kaedah Pengawasan Etika secara dalaman yang diperuntukan di dalam Undang-undang Tubuh ini. |
| Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa **(NIR)** | Menjalinkan dan memupuk hubungan yang erat dengan semua pihak di dalam dan luar negeri yang berkepentingan dengan tujuan dan maksud pertubuhan untuk terus membangunkan sektor francais serta memberi manfaat kepada ahli. |
| Promosi dan Perhubungan Awam **(PPR)** | Melaksanakan usaha dan promosi persatuan, ahli-ahli dan sektor secara keseluruhannya. JKK ini turut menjalinkan serta memupuk hubungan yang erat dengan kerajaan, agensi-agensi lain dan semua pihak yang berkaitan |
| Penyelidikan & Pendidikan **(RED)** | Merancang dan melaksanakan projek-projek latihan dan pendidikan kepada ahli-ahli dan menyelenggarakan pusat maklumat mengenai Industri Francais untuk faedah ahli-ahli. |
| Pembangunan Perniagaan **(BDE)** | Menangani dan memantau isu-isu semasa ahli di dalam aspek pembangunan francais dan industri secara khusus seperti kewangan, premis, keusahawanan dan pembangunan produk melalui integrasi setiap agensi dan usahawan dan mewujudkan peluang-peluang perniagaan melalui aktiviti yang dilaksanakan bertujuan bagi mengukuhkan dana MFA. |
| Rundingcara & Kebajikan **(CW)** | Memberi khidmat kaunseling, manjaga ahli serta mengambil tindakan menjalankan timbangtara dalam sesuatu konflik sesama ahli. |
| Jawatankuasa Induk Program | Franchise International Malaysia (FIM)<br>Membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia pintu masuk utama dan juga pusat perkembangan francais di rantau ini. Program seumpama ini juga akan dapat mengenengahkan francais sebagai satu strategi dalam membangunkan usahawan tempatan dan sebagai perniagaan yang berpotensi untuk disertai samada sebagai francaisor, francaisi,atau francaisi induk.<br>Malam Anugerah Francais (MAF)<br>Memberi pengiktirafan kepada penggiat francais yang menunjukkan prestasi cemerlang di dalam sektor francais bagi tahun 2019. Selain itu, program ini juga akan dapat mengeratkan perhubungan di kalangan ahli di samping mengumpul sedikit dana untuk mengisi tabung MFA. |

# PasukanSekretariat

*"Pasukan pengurusan dan operasi MFA terdiri daripada profesional yang berpengalaman dengan cabaran profesion dan saling bekerjasama untuk menggiatkan agenda pembangunan keusahawanan terutamanya usahawan francais. Kami sentiasa bertindak proaktif, komited dan mengoptimumkan peluang untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pihak yang berkepentingan terutamanya ahli MFA agar memberi impak positif kepada pembangunan industri francais dan masyarakat. Selain itu. kami juga melakukan pembaharuan secara berterusan untuk meningkatkan produktiviti dan menyerlahkan kualiti perkhidmatan kami."*



**Ahmad Faizal Mohamed Noor**
*Ketua Eksekutif*

## PengalamanPasukan Pengurusan

| NAMA | BIDANG PENGALAMAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pembangunan Perniagaan | Komunikasi Korporat | Hal Ehwal Keahlian | Program Latihan & Acara | Pentadbiran & HR | Perakuanan & Kewangan |
| Ahmad Faizal Mohamed Noor | ★ | ★ | ★ | ★ | ★ | ★ |
| Zuraida Jomri | | ★ | ★ | | ★ | ★ |
| Mohd Faizal Abd Latip | ★ | ★ | ★ | ★ | | |
| Wan Muhammad Zainal Wan Yahya | ★ | | ★ | ★ | | |
| Siti Khadijah Mohd | | | | | ★ | ★ |

## Tahun Pengalaman Di MFA






## Statistik Tenaga Insan Pada 30 Mei 2021

| | Ketua Eksekutif / Pengurus Besar | Timbalan Pengurus Besar / Pengurus Kanan | Pengurus / Penolong Pengurus | Pelajar Praktikal | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| Pengurusan Atasan | 1 | | | | 1 |
| Perancangan Strategik | | 1 | 3 | | 4 |
| Pentadbiran Korporat, Kewangan & ICT | | 1 | 3 | 2 | 6 |
| Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Keahlian | 1 | | 3 | | 4 |
| Pengurusan Projek | | 2 | 1 | | 3 |
| Jumlah Keseluruhan | 2 | 4 | 10 | 2 | 18 |

# Sorotan PencapaianAktiviti 2020



# SorotanKEWANGAN

MFA merekodkan pengurangan dalam lebihan sebanyak RM0.35 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 berbanding lebihan sebanyak RM0.16 juta bagi tahun kewangan sebelum, disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 yang berlaku.

Meskipun MFA mengalami pengurangan dalam pendapatan daripada pembatalan acara, persidangan dan program latihan secara fizikal disebabkan krisis COVID-19, MFA masih berjaya mengekalkan pelaksanaan aktiviti secara maya untuk memastikan sokongan kepada ahli dilaksanakan dan kesedaran francais dikalangan orang awam sentiasa berterusan. Selain itu, bagi memastikan perkhidmatan terbaik kepada ahli kekal, dan kebajikan sekretariat tetap diutamakan, langkah-langkah pengurusan kos kakitangan yang berhemat serta penjimatan kos yang lain juga telah diambil kira.

**Dana Terkumpul**

Dana terkumpul MFA berkurangan sebanyak RM0.35 juta (pengurangan 22%) kepada RM1.22 juta dan ini memerlukan pendekatan yang lebih komprehensif untuk memastikan penggunaan modal kewangan dengan lebih baik lagi dalam menjalankan operasi MFA pada masa hadapan.

Pendapatan
**RM2.15 JUTA**
**2019: RM5.75 JUTA**

Kurangan Pendapatan
**RM0.35 JUTA**
**2019: Lebihan RM0.16 JUTA**

Dana Terkumpul
**RM1.22 JUTA**
**2019: RM1.57 JUTA**

## RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 5 TAHUN
(dalam RM' Juta)

| | 2020 | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pendapatan** | 2.15 | 5.75 | 4.95 | 3.09 | 2.43 |
| **Perbelanjaan** | 2.50 | 5.59 | 4.82 | 3.24 | 2.62 |
| **Lebihan / (Kurangan)** | (0.35) | 0.16 | 0.13 | (0.15) | (0.19) |
| **Dana Terkumpul** | 1.22 | 1.57 | 1.41 | 1.28 | 1.44 |
| **Hartanah, Loji dan Peralatan** | 0.50 | 0.40 | 0.07 | 0.05 | 0.06 |
| **Aset Semasa** | 3.30 | 4.20 | 5.00 | 3.86 | 4.98 |
| **Liabiliti Semasa** | 2.58 | 2.99 | 3.67 | 2.63 | 3.61 |
| **Aset Semasa Bersih** | 0.72 | 1.21 | 1.33 | 1.23 | 1.37 |
| **Aset Bersih** | 1.22 | 1.61 | 1.40 | 1.28 | 1.43 |
| **Nisbah Semasa** | 1.28 | 1.40 | 1.36 | 1.47 | 1.38 |

# PerancanganSTRATEGI 2021-2023



# Program & Aktiviti MFA



# Program&AKTIVITI

*"MFA sentiasa memastikan bahawa program dan aktiviti yang dilaksanakan dapat memberikan manfaat kepada semua ahli MFA, pihak berkepentingan industri francais serta masyarakat. Kami bertanggungjawab untuk mempromosikan dan menyokong usaha kerajaan dalam melahirkan usahawan francais yang berdaya saing dan perniagaan francais yang beretika serta berdaya maju selaras dengan hasrat kerajaan apabila menubuhkan MFA pada tahun 1994 yang lalu."*



**Mohammad Shukri Salleh**
*Setiausaha Agung*

## LAPORAN AKTIVITI 2020



# KeterlibatanDENGAN INDUSTRI

Pandemik Covid-19 yang berlaku pada tahun 2020 telah memberi satu perspektif baru kepada MFA dalam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti bagi mempromosikan perniagaan francais Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Cabaran yang dilalui telah membantu MFA untuk lebih cakna dengan perubahan persekitaran dan mengambil langkah proaktif dalam menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku pada masa hadapan.

Sepanjang tahun 2020, MFA meneruskan aktiviti dengan pihak industri bagi menyokong pertumbuhan industri francais bagi melahirkan lebih ramai usahawan francais dan pengembangan perniagaan francais jenama Malaysia ke serata dunia. Jesturu itu, pelbagai aktiviti libaturus, kerjasama dan penglibatan MFA dengan ahli, potensi ahli, pihak kerajaan dan organisasi yang berkaitan telah diadakan bagi tempoh ini.

## STATISTIK KEAHLIAN MFA









## Sesi Libaturus dengan Ahli

Program ini merupakan salah satu program utama keahlian yang bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada ahli berkaitan perkembangan terkini perniagaan ahli, berkongsi aktiviti terkini MFA disamping untuk mencipta perhubungan yang lebih mesra dan erat di antara pasukan MFA dengan pasukan ahli.

Aktiviti ini dilaksanakan sama ada di Pejabat MFA atau Pejabat Ahli pada tahun sebelum ini. Namun, pada tahun 2020, MFA mengadaptasi pendekatan digital dengan mula melaksanakan aktiviti ini secara atas talian menggunakan applikasi Zoom selaras dengan SOP Covid-19 yang ditetapkan.

Pada tahun 2020, sebanyak 19 program telah diadakan kepada 15 ahli francaisor, 1 Institusi Sokongan dan 3 Bakal Francaisor. Antara maklumbalas yang diterima daripada ahli semasa program ini berlangsung adalah cabaran perniagaan semasa menghadapi pandemik, sokongan Perniagaan dan perkongsian pengalaman daripada ahli dalam mengekalkan perniagaan. Antara sokongan yang telah diberikan oleh MFA ke atas cabaran ini adalah dengan memberi sokongan perniagaan melalui aktiviti yang dianjurkan oleh MFA dan memanjangkan cadangan ini kepada pihak Kementerian yang terlibat.

Pada akhir tahun 2020, jumlah keahlian MFA adalah sebanyak 523 ahli dimana 61% ahli biasa, 34% ahli bersekutu dan 5% ahli kategori lain-lain.










### Tarikh dan Nama Syarikat

**14 Jan 2020** : Sydney Cake House Sdn Bhd
**15 Jan 2020** : Paradise Builders Holding Sdn Bhd
**16 Jan 2020** : Q-Dees Worldwide Edusystems (M) Sdn Bhd
**23 Jan 2020** : Genesis BBQ (Asia Pacific) Pte Ltd
**05 Feb 2020** : Aeon Credit Service (M) Berhad
**06 Feb 2020** : Clara Network Sdn Bhd
**14 Feb 2020** : EV World Hotel Management Sdn Bhd
**17 Feb 2020** : Duo Art Resources Sdn Bhd
**03 Mac 2020** : Sejagat Global Sdn Bhd
**22 Jun 2020** : Global Top Technologies (M) Sdn Bhd
**23 Sep 2020** : Menara Optometry Centre Sdn Bhd
**25 Sep 2020** : Intelligent Rewards Sdn Bhd
**01 Okt 2020** : Sangkaya (M) Sdn Bhd
**05 Okt 2020** : Bolton Optical Sdn Bhd
**18 Nov 2020** : Teh Tarik Place Sdn Bhd
**19 Nov 2020** : Wasiyyah Shoppe Sdn Bhd
**17 Dis 2020** : Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
**21 Dis 2020** : Coolblog Dessert Sdn Bhd
**22 Dis 2020** : Penyet Penyet.com

### Lokasi

17 Pejabat / Outlet Ahli
02 Applikasi Zoom

### Pelaksana

JKK Pendaftaran & Etika (RET)
JKK Rundingcara & Kebajikan (CW)

### Pengerusi

Dato' Dr Ir Rohaizi Mohd Jusoh (JKK RET)
Khairudin Yahya (memangku jawatan semasa keuzuran Dato Dr Ir Rohaizi)
Neoh Eng Kee (JKK CW)

### Ahli-Ahli

Mohamad Shukri Salleh
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Nabila Syafifi Rosslan



## Tarikh dan Nama Syarikat

**24 Jan 2020 :** Srivijaya Sdn Bhd
**28 Jan 2020 :** International Workplace Group
**29 Jan 2020 :** Ted Print Sdn Bhd
**03 Feb 2020 :** Bateriku. Com
**10 Feb 2020 :** Little Caliphs International Sdn Bhd
**13 Feb 2020 :** Proview Technology Sdn Bhd
**01 Jun 2020 :** Soul Chicken D2 Sdn Bhd
**08 Jul 2020 :** QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd
**09 Jul 2020 :** KH Tai & Co.
**09 Jul 2020 :** Meat Cartel Holdings Sdn Bhd
**13 Jul 2020 :** Innergia Labs Sdn Bhd
**16 Jul 2020 :** Mosa Venture
**19 Aug 2020 :** B&W Butcher Entreprise
**25 Aug 2020 :** Smart Junior Chef Sdn Bhd
**01 Sep 2020 :** NKM Group of Companies
**11 Sep 2020 :** Tea Some Sdn Bhd
**25 Sep 2020 :** Chauffer Kingdom
**08 Okt 2020 :** Universal Dot Com
**14 Okt 2020 :** Smart Excess Trading Sdn Bhd
**17 Nov 2020 :** Gangnam 88
**25 Nov 2020 :** Azam Perkasa Sdn Bhd
**27 Nov 2020 :** Cilik Mumtaz Sdn Bhd
**03 Dis 2020 :** Mentari Borneo Teknologi Sdn Bhd
**15 Dis 2020 :** Lembughini Farmilia Sdn Bhd
**17 Dis 2020 :** BB Coffee Sdn Bhd
**23 Dis 2020 :** Impulse Fitness Sdn Bhd

### Lokasi

19 Pejabat / Outlet Potensi Ahli
07 Applikasi Zoom

### Pelaksana

JKK Pendaftaran & Etika (RET)
JKK Rundingcara & Kebajikan (CW)

### Pengerusi

Dato' Dr Ir Rohaizi Mohd Jusoh (JKK RET)
Khairudin Yahya (memangku jawatan semasa keuzuran Dato Dr Ir Rohaizi)
Neoh Eng Kee (JKK CW)

### Ahli-Ahli

Mohamad Shukri Salleh
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Nabila Syafifi Rosslan
Mohd Rithauddin Abd Aziz



## Sesi Libaturus dengan Potensi Ahli

Program ini merupakan salah satu program utama keahlian yang bertujuan untuk merekrut keahlian baru dan mempromosikan peranan dan aktiviti MFA kepada organisasi lain disamping mewujudkan hubungan mesra di kalangan pihak industri.

Aktiviti ini dilaksanakan sama ada di Pejabat MFA atau Pejabat Ahli pada tahun sebelum ini. Namun, pada tahun 2020, MFA mengadaptasi pendekatan digital dengan mula melaksanakan aktiviti ini secara atas talian menggunakan applikasi Zoom selaras dengan SOP Covid-19 yang ditetapkan.

Pada tahun 2020, sebanyak 26 program telah diadakan kepada 2 Francaisor, 1 Francais Induk 17 Bakal Francaisor, 2 Bakal Francais Induk, 3 Institusi Sokongan dan 1 Bakal Francaisi. Antara perkongsian daripada program ini adalah tatacara untuk menjadi francaisor, proses pendaftaran francais, manfaat dan proses keahlian MFA serta maklumat francais secara umum.

30% atau 8 syarikat yang terlibat dalam sesi libaturus ini telah menjadi ahli MFA. Walaubagaimana pun, pada tahun 2020 telah mencatatkan kelulusan pendaftaran 35 keahlian daripada pelbagai kategori keahlian.





## Kunjungan Hormat

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 3 kunjungan hormat telah diadakan bagi menjalinkan hubungan erat serta bertukar pandangan mengenai perkembangan semasa industri francais dan cadangan kerjasama yang akan diadakan kelak.

**Kedutaan Mesir**

MFA telah membuat kunjungan hormat kepada En. Amr Abdel Halim, Menteri of Plenipotentiary Commercial, Economic and Commercial Office pada 30 Januari 2020 di Kedutaan Mesir Kuala Lumpur. Antara perkara yang dibincangkan adalah bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan di antara MFA dan Kedutaan serta jemputan untuk menyertai FIM2020 daripada syarikat francais Mesir. Pihak MFA telah diwakili oleh YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir, Encik Ahmad Faizal Mohamed Noor, En Mohamad Shukri Salleh, En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya dan En Mohd Faizal Abd Latip.

**Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)**

MFA telah membuat kunjungan hormat kepada YB Dato' Sri Mustapha Mohamed, Menteri Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri pada 25 Jun 2020 di Putrajaya. Pertemuan ini adalah bertujuan untuk memberi pandangan berkaitan industri francais dan peranan MFA dalam membangunkan industri francais di Malaysia. Selain itu, MFA juga mengemukakan cadangan ingin memanjangkan maklumbalas daripada pihak industri yang terkesan dalam menghadapi situasi COVID-19 agar pihak Kementerian dalam merangka halatuju industri francais pada masa hadapan. Datuk Dr Radzali Hassan telah mengetuai delegasi MFA untuk kunjungan hormat ini.

**Perbadanan Nasional Berhad**

MFA telah membuat kunjungan hormat kepada YBrs. Encik Mohd Hilaluddin Abd Shukor, Ketua Pegawai Eksekutif Pernas pasa 28 September 2020 di Menara Pernas. Pertemuan ini bertujuan untuk bertukar pandangan mengenai perkembangan terkini industri francais, berkongsi aktiviti MFA dan Pernas serta membincangkan peluang kerjasama yang dapat dilaksanakan oleh kedua-dua pihak. Datuk Dr Radzali Hassan telah mengetuai delegasi MFA untuk kunjungan hormat ini.

### Objektif

Menjalinkan hubungan erat serta bertukar pandangan mengenai perkembangan semasa industri francais dan cadangan kerjasama yang akan diadakan kelak.

### Pelaksana

JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa

### Pengerusi

Paul Ang Beng Teck

### Naib Pengerusi

Fauzi Awang

### Ahli-ahli

Mohamad Shukri Salleh
En. Ahmad Faizal Mohamed Noor
En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya
Cik Nurizzatul Faiqah Rohaizat







## Objektif

Bertujuan untuk membentangkan aktiviti tahun sebelumnya, meluluskan penyata kewangan teraudit bagi tahun sebelumnya, membincangkan dan meluluskan usul dan pindaan Undang-Undang Tubuh serta melantik Juruaudit Dalaman MFA.

### Pelaksana
JK Pentadbiran

### Pengerusi
Mohamad Shukri Salleh

### Naib Pengerusi
Khairuddin Yahya

### Ahli-Ahli
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Siti Khadijah Mohd
Norhadi Md Yusof
Bayani Salihah Ibrahim
Sheilla Afiqah Ab Rahim

## Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-25

Program ini merupakan aktiviti tahunan MFA dan telah diadakan pada 3 September 2020 bertempat di Hotel Sri Pacific Kuala Lumpur. Seramai 75 wakil ahli telah menghadiri mesyuarat ini.

Pada mesyuarat tersebut, para ahli mesyuarat telah menerima Laporan Kemajuan Aktiviti tahun 2019 dan Laporan Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 yang telah dibentangkan.

Dalam pada itu, mesyuarat juga telah bersetuju untuk meminda empat (4) Fasal iaitu Fasal 4(1) dan 4(6) di bawah tajuk Keahlian, Fasal 5(1) dan 5(2) di bawah tajuk Bayaran Memproses dan Permohonan Yuran dan Bayaran Ahli. Fasal ini dipinda bagi menambah baik fasal sedia ada berdasarkan kepada beberapa perkara yang munasabah.

Satu usul telah diterima untuk diluluskan iaitu untuk mewujudkan kategori keahlian seumur. Usul ini telah dicadangkan oleh Zahriah Affiq Sdn Bhd bagi mempelbagaikan kategori keahlian dan manfaat yang diterima oleh Ahli.

Pada mesyuarat agung ini juga, Cik Joyce See Siok Mee dari 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd dan En. Amran Abd Hamid dari Resepi Arena Sdn Bhd telah dilantik sebagai Juruaudit Dalaman bagi sesi 2020/2022.

Selain itu, penganugerahan Sijil Keahlian kepada 17 Ahli Baru MFA juga diadakan pada Mesyuarat Agung Tahunan ini.










## Aktiviti Jawatankuasa Utama

Mesyuarat Jawatankuasa Utama telah dilaksanakan sebanyak 4 kali pada tahun 2020 seperti berikut.

**10 Mac 2020 :** Pejabat MFA
**27 Julai 2020 :** Pejabat MFA
**28 Ogos 2020 :** Pejabat MFA
**2 Disember 2020 :** Applikasi Zoom

Walau bagaimanapun pemantauan aktiviti ini tidak terhad melalui mesyuarat Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa Eksekutif sahaja, mesyuarat di antara Jawatankuasa kecil dan dikalangan sekretariat juga sering dilaksanakan.

Pada tahun 2020, 2 orang Ahli Jawatankuasa Utama MFA telah meletakkan jawatan kerana telah bersara dan tidak lagi berkhidmat dengan organisasi. Mereka yang terlibat adalah En Fauzi Awang, wakil Wonderful Lifestyle Sdn Bhd and En Kairuddin Yahya, wakil Avon Cosmetic (M) Sdn Bhd.

**Leaders Meeting 2020**

Leaders Meeting 2020 telah diadakan pada 10 Disember 2020 secara hibrid untuk membincangkan dan menetapkan hala tuju MFA dan aktiviti MFA bagi tahun 2021-2023. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah laporan prestasi MFA bagi tahun 2020 dan Pelan Tindakan MFA tahun 2021- 2023.

Rangka Pelan Tindakan yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan adalah seperti berikut:

a) **Mengukuhkan Kedudukan Kewangan** melalui kerjasama dengan kementerian, agensi dan organisasi berkaitan bagi melaksanakan aktiviti atau program serta menambahbaik ke atas pengurusan kewangan.

b) **Transformasi Ke Arah Pendigitalan** dengan mengadaptasi pendigitalan untuk sistem pengurusan maklumat dan infrastruktur sistem pengurusan yang sedia ada bagi meningkatkan jaminan kualiti, keselamatan, kesahihan dan kesediaan data sistem maklumat.

Susulan daripada jalinan kerjasama yang telah ditandatangani, satu program ramah mesra bersama pihak industri dan Sheng Tai International iaitu Franchise Hi-Tea bersama Pihak Industri telah dilaksanakan pada 11 Ogos 2020. Pihak MFA telah diwakili oleh YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan, Encik Ahmad Faizal Mohamed Noor, Encik Wan Muhammad Wan Zainal Wan Yahya dan Encik Mohd Rithauddin Abd Aziz. Program ini telah disertai oleh senarai syarikat seperti di bawah:

1. ATC Group
2. Big Bath Sdn Bhd
3. Borneo Oil Sdn Bhd
4. Cambridge English For Life Sdn Bhd
5. Chatime Malaysia Sdn Bhd
6. Cleanpro Express Sdn Bhd
7. City Coin Laundry Sdn Bhd
8. Coolblog Dessert Sdn Bhd
9. Genius Aulad International Group Sdn Bhd
10. Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd
11. Global Art Creative Sdn Bhd
12. Harta Maintenance Sdn Bhd
13. Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd
14. Loob Holding Sdn Bhd
15. Marrybrown Sdn Bhd
16. Q-Dees Worldwide Edusystem Sdn Bhd
17. Rotiboy Bakeshoppe Sdn Bhd
18. Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
19. TKA Group








## Program Pameran Francais Berskala Kecil (Franchise Bay) 2020, Zon Tengah

Program Franchise Bay ialah siri pameran melibatkan penyertaan syarikat francais bagi mempromosikan perniagaan mereka kepada orang ramai yang berminat untuk menjadi usahawan dan kumpulan peniaga yang ingin mengembangkan perniagaan kepada konsep francais. Penyertaan akan melibatkan francaisor induk iaitu individu/ syarikat yang memegang hak perniagaan francais di bawah tanda dagangan atau nama dagang mereka di Malaysia.

MFA bersama-sama KPDNHEP telah merancang untuk melaksanakan beberapa siri jelajah Francais dalam usaha mempromosikan industri francais khususnya program FIM2020. Sebanyak 6 negeri telah disasarkan untuk perlaksanaan program jelajah ini. Atas faktor keselamatan dan saranan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) berikutan penularan gelombang ke-3 pandemik COVID-19, hanya 1 siri jelajah sahaja dapat dilaksanakan pada tahun 2020.

Program Jelajah Franchise Bay telah dilaksanakan dengan jayanya pada 11-13 September 2020 di Pusat Membeli Belah MyTown, Kuala Lumpur. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Seri Hj Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP.

Sepanjang tiga hari program ini berlangsung, sebanyak RM60 juta potensi pelaburan telah direkodkan dengan 240 potensi francaisee. Sebanyak 12 ahli MFA yang terdiri daripada jenama francais tempatan dan antarabangsa daripada pelbagai sektor telah menyertai program ini. Syarikat francais yang terlibat adalah 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd, Arjuna Food Management, Ayam Penyet Api Sdn Bhd, Coolblog Dessert Sdn Bhd, Genius Aulad International Group Sdn Bhd, Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd, Little Cash (M) Sdn Bhd, Loob Holding Sdn Bhd, Marrybrown Sdn Bhd, MBE Ventures Sdn Bhd, Revenue Valley Sdn Bhd dan Teh Tarik Place Sdn Bhd.

### Objektif

Sebagai platform kepada para francaisor mempromosikan perniagaan francais mereka. Selain daripada itu, Franchise Bay ini adalah salah satu pendekatan kepada masyarakat amnya dan khususnya kepada usahawan yang berminat dalam memberi pendedahan memahami konsep perniagaan francais di samping latihan dan pakej pembiayaan yang ditawarkan.

### Pelaksana

JKI Franchise International Malaysia 2020

### Pengerusi

Deric Yeo

### Ahli-Ahli

Mohamad Shukri Salleh
Terry Lim
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Mohd Faizal Abd Latip
Abdullah Abu





















# Pengurusan Acara& PROGRAM LATIHAN



*"Walaupun menghadapi kesukaran dalam melaksanakan acara dan program latihan dalam situasi pandemik yang berlaku, sesungguhnya MFA mencuba sedaya upaya menyokong usaha kerajaan dalam memastikan pertumbuhan industri francais tidak terhenti disebabkan pandemik ini. Program dan aktiviti yang dirancang perlu dilaksanakan tetapi dengan pendekatan yang berlainan, yang sesuai dengan kehendak semasa. Justeru itu, program promosi francais melalui penganjuran acara dan program latihan diolah penganjurannya dengan menggunakan platform digital agar ahli-ahli MFA, pemegang taruh francais dan orang ramai masih mendapat manfaat daripada program-program yang dilaksanakan ini."*

**Mohammad Shukri Salleh**
*Setiausaha Agung*

# Virtual Franchise International Malaysia 2020 (VFIM2020)

## PAMERAN

Implikasi dari penyebaran wabak COVID-19, FIM2020 yang telah dijadualkan pada 9-11 April terpaksa ditunda ke 18-20 September 2020. Walaubagaimanapun, setelah mengambil kira aspek keselamatan dan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak MKN, jawatankuasa memutuskan untuk menukar format FIM2020 daripada format hidbrid kepada program secara maya sahaja. Akibat daripada perubahan ini, program FIM2020 telah dilaksanakan selama 7 hari iaitu pada 15 – 21 Oktober 2020.

Penganjuran FIM kali ke-27 ini telah menghimpunkan 47 pempamer daripada 14 negara termasuk Australia, Belanda, Taiwan, Indonesia, Itali, Jordan, Rusia, Singapura, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan lain-lain di dalam satu platform maya. Para pengunjung dapat berkomunikasi secara terus dengan pempamer melalui ruangan chat, siaran web dan webinar yang disediakan. Program ini boleh diakses 24 jam oleh pengunjung di laman sesawang: https://vfim.mfa.org.my tetapi masa berinteraksi secara terus dengan pempamer terhad kepada pukul 10.00 pagi sehingga 4.00 petang.

Bertemakan Beyond 2020 : Towards Digitalizing Franchising, FIM2020 telah berjaya menarik 9,755 pengunjung dengan potensi transaksi berjumlah RM120 juta. Virtual FIM2020 telah menarik minat pengunjung tempatan dari serata Malaysia dan pengunjung dari 10 buah negara luar dan diantaranya adalah daripada Australia, Belgium, Korea Selatan, Philippines, Singapore dan Taiwan.

Program ini turut menerima tajaan daripada pelbagai pihak termasuk daripada Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown), Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market), Muzart International Sdn Bhd (Muzart) dan International Workplace Group (IWG).

## Objektif

Program ini adalah bertujuan untuk menyokong usaha kerajaan untuk mempromosi dan meningkatkan lagi industri francais negara, melahirkan lebih ramai usahawan francais di Malaysia, memberi peluang kepada penggiat francais untuk mempromosikan lagi perniagaan francais di Malaysia & Antarabangsa serta memberikan pengetahuan dan pendidikan.

### Pelaksana
JKI Franchise International Malaysia 2020

### Pengerusi
Deric Yeo

### Pengerusi Persidangan
Prof Madya Dr Azmawani binti Abdul Rahman

### Ahli-Ahli
Mohamad Shukri Salleh
Terry Lim
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Mohd Faizal Abd Latip
Abdullah Abu



















## Objektif

Program ini adalah bertujuan untuk menyokong usaha kerajaan untuk mempromosi dan meningkatkan lagi industri francais negara, melahirkan lebih ramai usahawan francais di Malaysia, memberi peluang kepada penggiat francais untuk mempromosikan lagi perniagaan francais di Malaysia & Antarabangsa serta memberikan pengetahuan dan pendidikan.

### Pelaksana

JKI Franchise International Malaysia 2020

### Pengerusi

Deric Yeo

### Pengerusi Persidangan

Prof Madya Dr Azmawani binti Abdul Rahman

### Ahli-Ahli

Mohamad Shukri Salleh
Terry Lim
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Mohd Faizal Abd Latip
Abdullah Abu







## Virtual Franchise International Malaysia 2020 (VFIM2020)

### PERSIDANGAN ANTARABANGSA

Selain daripada pameran, program persidangan antarabangsa juga telah diadakan bersempena VFIM2020 ini. Persidangan ini juga berlangsung secara maya pada 15 – 16 Oktober 2020. Sebanyak 16 topik telah dibincangkan yang melibatkan seramai 19 orang penceramah dalam persidangan kali ini. Para peserta yang mengikuti program ini telah diberikan pendedahan mengenai perkembangan industri francais khususnya di peringkat global. Berikut adalah senarai penceramah bagi program Persidangan Antarabangsa Virtual FIM2020 :

| BIL | NAMA PENCERAMAH | ORGANISASI |
|---|---|---|
| 1. | Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) |
| 2. | Paul Ang | City Coin Laundry Sdn Bhd |
| 3. | Wong Jin Nee | Tetuan Wong Jin Nee & Teo |
| 4. | Deric Yeo | Revenue Valley Sdn Bhd |
| 5. | Andrew Wong | Whataburger Sdn Bhd |
| 6. | Zulkifli Yaacob | Bahagian Pembangunan Francais Dan Jualan Langsung (KPDNHEP) |
| 7. | Angelld Quah | FBM Crowdtech Sdn Bhd |
| 8. | Kairul Azman Mod Yusoh | Marrybrown Sdn Bhd |
| 9. | Datin Paduka Zaliza Alias | Genius Aulad International Sdn Bhd |
| 10. | Dennis Khoo | Delta Franchise System |
| 11. | Hsien Naidu | Astreem Consulting Lte Ptd (Singapore) |
| 12. | Jason Gehrke | Franchise Advisory Centre (Australia) |
| 13. | Dato' George Miranda | Miranda & Samuel Advocates & Solicitors |
| 14. | Khairuddin Yahya | Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd |
| 15. | Terry Lim | Global Art & Creative Sdn Bhd |
| 16. | Julianne Ang | Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd |
| 17. | Wong Chee Mun (Shopee) | Shopee Malaysia |
| 18. | Jeffrey Bahar | Spire Research & Consulting (Indonesia) |
| 19. | Datuk Dr. Radzali Hassan | Persatuan Francais Malaysia (MFA) |






## Franchise Run Like A Boss

Program larian ini adalah salah satu aktiviti yang telah dijalankan dalam usaha mempromosikan sektor francais Malaysia disamping untuk menghebahkan Program FIM2020 mempromosikan FIM2020. Program asalnya telah dijadualkan pada 29 Mac 2020 tetapi telah ditunda ke 5 Julai 2020 disebabkan perlaksanaan langkah pencegahan Covid-19 oleh Kerajaan. Walaubagaimanapun, setelah mengambil kira faktor keselamatan pada situasi semasa dan saranan pihak MKN, program larian ini telah ditukar ke format Virtual dan dilaksanakan pada 20 – 26 Julai 2020.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakan daripada orang ramai dan penggiat industri francais. Seramai 1060 orang telah menyertai program yang berlangsung selama seminggu ini.

Majlis Penutup bagi program larian ini telah diadakan pada 18 Ogos 2020 secara atas talian dengan disempurnakan oleh YBhg Datuk Dr Radzali Hassan, Pengerusi MFA. Turut hadir bersama membuat cabutan bertuah ialah Pn. Nuramalina Ibrahim, Pengarah Bahagian Pembangunan Francais & Jualan Langsung, KPDNHEP. Sebanyak 15 cabutan bertuah telah dibuat pada majlis tersebut. Hadiah cabutan turut ditaja oleh Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd dan Deliver Travel.

### Objektif

Program ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai perniagaan francais, mempromosikan program FIM2020 serta menggalakan orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan.

### Pelaksana

JKI Franchise International Malaysia 2020

### Pengerusi

Deric Yeo

### Ahli-Ahli

Mohamad Shukri Salleh
Terry Lim
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Mohd Faizal Abd Latip
Abdullah Abu









## Objektif

Memberi pendidikan dan pendedahan mengenai perniagaan francais kepada penggiat industri dan orang ramai

### Pelaksana
JKK Penyelidikan Dan Pendidikan

### Pengerusi
Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman

### Naib Pengerusi
Terry Lim

### Ahli-Ahli
Mohamad Shukri Salleh
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Wan Muhammad Zainal Wan Yahya
Nur Hafizatul Ain Abdul Halim
Siti Syamim Dzulkifli







## Program Latihan Francais

**Taklimat Mingguan Francais**

Program ini dilaksanakan pada setiap Khamis, jam 2.30 petang dan terbuka kepada umum. Program ini dijadikan platform untuk mempromosikan program latihan dan keahlian MFA. Maklumat peserta yang ingin menjadi Francaisi akan dipanjangkan kepada ahli yang terlibat.

**Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF)**

MFA telah menganjurkan 4 program KAPF sepanjang tahun 2020 sama ada secara bersemuka atau melalui platform digital. Program yang berlansung selama 2 hari ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang dan pengetahuan kepada bakal-bakal penggiat francais mengenai aspek-aspek asas dan kaedah penilaian daya-maju sesebuah perniagaan francais.

Program ini turut menyediakan sesi perkongsian pengalaman bersama pihak francaisor dan francaisi terdiri daripada ahli – ahli MFA yang mana secara tidak langsung merupakan peluang mempromosikan perniagaan mereka kepada peserta yang hadir. Selain penglibatan francaisor dan francaisi dalam program ini, para penceramah yang berpengalaman luas dalam francais dan bidang berkaitan juga terlibat sama dalam menjayakan program latihan ini. Para penceramah adalah terdiri daripada ahli persatuan seperti perunding- perunding francais, firma guaman dan wakil-wakil daripada institusi kewangan. Kursus telah berjaya dilaksanakan seperti butiran dibawah:

| TARIKH & LOKASI | PENGLIBATAN AHLI |
|---|---|
| 22 – 23 Februari 2020<br>**Hotel AC Kuala Lumpur** | 1. Ri-Yaz Global Food Brands Sdn Bhd (Galito's Flame Grilled Chicken<br>2. Little Calliph International Sdn Bhd (Litlle Caliphs) |
| 25 – 26 Julai 2020<br>**Bilik Latihan MFA** | 1. BPFJL, KPDNHEP<br>2. Loob Holding Sdn Bhd (Tealive)<br>3. Meat Cartel Holding Sdn Bhd (Meat Cartel)<br>4. Itrain Kids Sdn Bhd (Itrain Kids) |
| 22 – 23 Ogos 2020<br>**Bilik Latihan MFA** | 1. Pusat Dialisis Nur Kasih Sdn Bhd (Pusat Dialisis Nur Kasih)<br>2. The Hippie Hub PLT (The Hippie Hub) |
| 2 – 3 Disember 2020<br>**Melalui Aplikasi Zoom** | 1. Strawberryland Genius Kids Edu Centre Sdn Bhd (Strawberryland) |





## Program Latihan Francais

### Kursus Pembangunan Francaisor (KPF)

MFA menganjurkan program KPF bertujuan untuk memberi pendedahan tentang aspek pembangunan sesebuah sistem perniagaan francais dan memberikan garis panduan dan persediaan para bakal francaisor dalam membentuk sesebuah sistem perniagaan francais yang berdaya saing. Kursus ini juga dapat menunjukkan tatacara yang teratur dalam mendaftarkan perniagaan francais dan mewujudkan bakal-bakal usahawan francais yang faham tentang peruntukkan undang-undang francais.

Program ini membariskan panel penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang francais dan perniagaan. Kursus telah berjaya dilaksanakan seperti butiran dibawah:

| TARIKH & LOKASI | PENGLIBATAN AHLI |
|---|---|
| 26 – 27 September 2020<br>**Bilik Latihan MFA** | 1. Kasut U Sdn Bhd (Kasut U)<br>2. Sangkaya (M) Sdn Bhd (Sangkaya)<br>3. The Hippie Hub PLT (The Hippie Hub) |

### Objektif

Memberi pendidikan dan pendedahan mengenai perniagaan francais kepada penggiat industri dan orang ramai

### Pelaksana

JKK Penyelidikan Dan Pendidikan

### Pengerusi

Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman

### Naib Pengerusi

Terry Lim

### Ahli-Ahli

Mohamad Shukri Salleh
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Wan Muhammad Zainal Wan Yahya
Nur Hafizatul Ain Abdul Halim
Siti Syamim Dzulkifli












# **Sokongan**KEAHLIAN






***"Ahli merupakan nadi kepada kejayaan MFA. Oleh itu, pelbagai sokongan keahlian disediakan bagi memastikan ahli sentiasa mendapat maklumat terkini, bantuan dan sokongan untuk bergiat aktif di dalam industri francais. Adalah menjadi keutamaan MFA untuk menyediakan aktiviti atau program yang dapat membantu kejayaan ahli MFA dalam mengembangkan perniagaan francais mereka terutamanya semasa pandemik ini berlaku."***

**Mohammad Shukri Salleh**
*Setiausaha Agung*

## Sokongan Aktiviti

**Program Enhance Members Benefit Program (EMBI)**

Program ini diadakan adalah untuk menambahbaik keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada ahli disamping meningkatkan komunikasi dan perhubungan antara MFA dan Ahli. Setiap Sekretariat MFA akan dilantik sebagai Pegawai Perhubungan kepada 20-30 bilangan ahli. Pegawai ini bertanggungjawab untuk memaklumkan aktiviti terkini anjuran MFA, mendapatkan maklumbalas daripada ahli berkaitan isu semasa terkini serta mengeratkan hubungan di antara ahli dengan MFA. .

**Peringatan Penghantaran Laporan Tahunan Perniagaan Francais Bagi Tahun 2019 kepada Pendaftar Francais**

MFA telah memberikan kerjasama kepada BPFJL, KPDNHEP bagi memanjangkan notis peringatan kepada syarikat francais khususnya ahli MFA mengenai pematuhan untuk mengemukakan Laporan Tahuan Perniagaan Francais (LTPF) kepada Pendaftar Francais (ROF) pada tarikh yang telah ditetapkan.

**Maklumbalas Francais**

MFA telah memberi sokongan kepada program anjuran BPFJL, KPDNEHP dengan membantu untuk mendapatkan maklum balas dan perkembangan semasa industri francais di kalangan ahli MFA. Sebanyak 2 sesi telah dilaksanakan iaitu pada 22 Oktober 2020 bagi Proses Pembersihan Data Pendaftaran Francais dan pada 21 – 22 Disember 2020 bagi Bengkel Hala Tuju Pembangunan Francais 2021 – 2025.

**Konsultansi dan Info Servis**

MFA menyediakan platform kepada para ahli dan orang ramai untuk mendapatkan penerangan mengenai asas perniagaan francais dan isu-isu semasa berkaitan perniagaan dan industri francais selain untuk mewujudkan hubungan baik di antara persatuan dengan para ahli dan bakal usahawan yang berpotensi.

**Kajiselidik Maklumbalas Tahap Kepuasan Ahli**

Kajiselidik ini diadakan bagi mendapatkan maklumbalas kepuasan dalam menjadi ahli persatuan. Antara tujuan utama kajiselidik ini diadakan adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan ahli berhubung perkhidmatan yang disediakan oleh persatuan. Maklumbalas ini seterusnya akan dijadikan input dalam strategi penambahbaikan perkhidmatan kepada para ahli. Kesimpulan dari kajian ini, 89 ahli aktif telah menjawab kajiselisik maklumbalas untuk tahun 2020. Antara hasil kajiselidik tersebut adalah seperti berikut:

- 80% daripada ahli-ahli berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2019.
- 75% daripada ahli-ahli berpuas hati dengan pencapaian FIM pada tahun 2019.
- 82% daripada ahli-ahli berpendapat MFA perlu berusaha bagi mewujudkan aktiviti-aktiviti baru bagi menaikkan kredibiliti industri francais negara

## Objektif

Sebagai salah satu usaha MFA untuk menggalakan pembabitan aktif para ahli dengan persatuan dan merupakan antara manfaat yang diberikan kepada ahli

### Pelaksana
JKK Pendaftaran & Etika

### Pengerusi
Dato' Dr Ir Rohaizi Mohd Jusoh

### Ahli-Ahli
Mohamad Shukri Salleh
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Nabila Syafifi Rosslan





## Objektif

Sebagai salah satu usaha MFA untuk menggalakan pembabitan aktif para ahli dengan persatuan dan merupakan antara manfaat yang diberikan kepada ahli

### Pelaksana
JKK Pendaftaran & Etika

### Pengerusi
Dato' Dr Ir Rohaizi Mohd Jusoh

### Ahli-Ahli
Mohamad Shukri Salleh
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Nabila Syafifi Rosslan




## Sokongan Aktiviti

**Maklum Balas Francais di kalangan Ahli MFA**

MFA telah melaksanakan kaji selidik kepada ahli untuk mendapatkan maklum balas, isu dan cadangan tentang perniagaan francais sepanjang musim pandemik covid-19. Sebanyak 6 ahli telah memberi maklum balas dan beberapa tindakan telah dilaksanakan dengan merujuk kepada Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung, KPDNHEP.

**Penyertaan MFA di Aktiviti Anjuran Ahli**

MFA telah menerima pelbagai jemputan untuk menghadiri program anjuran ahli dan akan dihadiri sama ada di kalangan Ahli Jawatankuasa Utama ataupun sekretariat. Antara program yang telah dihadiri oleh wakil MFA adalah seperti butiran di bawah:

- MFA Talk with Little Caliphs pada 17 Mac 2020 di Shah Alam
- Program Taklimat Francais Kepada Koperasi pada 19 Ogos 2020 di Pernas
- Majlis Perasmian Pembukaan Outlet Baru Meat Cartel BBQ pada 27 November 2020 di Putrajaya
- CLEANEXPO and FACIMEX : Webinar Asean Cleaning Exposition and Facilities Management Exhibition pada 21 Oktober 2021 secara maya.

**Edaran Penyertaan Kepada Ahli**

MFA telah menerima permintaan daripada badan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya untuk memanjangkan maklumat dan jemputan penyertaan kepada ahli-ahli MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut;

| TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|
| 13 Februari 2020 | Jemputan penyertaan Sesi Dialog YB Menteri KPDNHEP Bersama Pihak Industri |
| 6 May 2020 | Jemputan penyertaan daripada Bank Negara Malaysia bafi program Micro SME'S to Benefit from Prihatin Special' |
| 9 Jun 2020 | Jemputan penyertaan daripada KPDNHEP bagi Sesi Roundtable Ybm Bersama Industri Francais |
| 22 Jun 2020 | Jemputan penyertaan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk program Free Virtual Engagement Session For Smes On Restructuring & Rescheduling Of Financial Obligations |
| 12 Jun 2020 | Jemputan penyertaan Jom cari makan! With Shoppee x MFA |
| 10 July 2020 | Jemputan penyertaan The Portugese Online Fair |
| 9 Ogos 2020 | Jemputan penyertaan ke Program Franchise Hi-Tea anjuran Sheng Tai |
| 22 September 2020 | Jemputan penyertaan daripada MyIPO bagi Siri Webinar MyIPO Harta Intelek dalam Keusahawanan |
| 22 September 2020 | Jemputan penyertaan Bengkel Pindaan Peraturan-peraturan Akta Francais 1998 |
| 20 Oktober 2020 | Jemputan penyertaan daripada Talent Corp bagi A webinar session on Structured Internship Programme (SIP). |
| 11 Disember 2020 | Jemputan penyertaan 'Let's Explore of Master Franchisee, Franchisee and Joint Venture Opportunities for Korean Brands' |
| 21–22 Disember 2020 | Jemputan penyertaan Bengkel Pelan Halatuju Pembangunan Francais 2021 - 2025 |

## Sokongan Aktiviti

**Rundingcara**

Rundingcara dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan kes dan aduan rasmi yang diterima oleh Jawatankuasa dan khidmat bimbingan ini hanya diberikan kepada ahli MFA sahaja. Kebanyakan kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai isu dari permasalahan yang wujud antara francaisor dan francaisi.

Pihak MFA akan terlebih dahulu akan menyemak samada kes-kes yang dilaporkan itu melibatkan Akta Francais 1998, amalan etika perniagaan atau kelakuan profesional seseorang ahli, seterusnya mengambil tindakan mengikut bidang kuasa MFA. Bagi kes-kes yang diluar bidang kuasa MFA, kes itu akan dikemukakan dan dirujuk kepada organisasi berkaitan seperti KPDNHEP, PNS, Myipo dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2020, MFA telah menerima 2 aduan daripada ahli bahawa syarikat mereka menghadapi masalah perniagaan akibat daripada pandemik Covid-19. Selain itu, MFA juga telah menerima beberapa aduan mengenai pertikaian di antara francaisor dan francaisi daripada syarikat francais yang bukan di kalangan ahli MFA. Memandangkan polisi MFA tidak melaksanakan rundingcara untuk syarikat yang bukan ahli, pihak JKK telah meminta agar syarikat yang berkenaan merujuk pertikaian tersebut kepada Bahagian Penguatkuasaan Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) untuk tindakan selanjutnya.

**Sokongan kepada Perniagaan Ahli**

Sepanjang tahun 2020, MFA telah mengemukakan surat sokongan kepada Ahli Bersekutu – Bakal Francaisor berkenaan jemputan kepada YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke majlis perasmian Butik Gaya Hidup Siti Khadijah pada 5 Mac 2020 bertempat di Pusat Konvesyen Kuala Lumpur (KLCC).

**Sokongan Mempromosikan Perniagaan Ahli**

Sepanjang musim pandemik covid-19, MFA telah membantu 9 ahli mempromosikan perniagaan atau perkhidmatan mereka secara percuma di saluran komunikasi MFA kepada masyarakat.

**Hebahan Maklumat Terkini**

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), MFA telah membuat 7 hebahan kepada ahli MFA berkenaan insentif dan bantuan daripada kerajaan kepada organisasi perniagaan daripada Bank Negara Malaysia seperti butiran dibawah:

- BNM: Kemudahan Pembiayaan untuk Membantu Perniagaan PKS yang Terjejas oleh Wabak COVID-19 (11 Mac 2020)
- Micro SMEs to Benefit from Prihatin Special Grant (2 Mei 2020)
- Virtual Engagement on Loan Restructuring & Rescheduling Assistance for SMEs (30 Jun 2020)
- Sudahkah anda memohon bantuan bayaran balik pinjaman? BNM inginkan maklum balas anda / Have you applied for repayment assistance? BNM wants your feedback. (10 September 2020)
- Kajian Soal Selidik Penilaian Bantuan / Survey for the PRIHATIN (17 September 2020)BANTUAN tambahan untuk PKS / More HELP is available for SMEs (2 Disember 2020)
- Penubuhan Dana HTF-NIA bernilai RM1 billion / Establishment of RM1 billion HTF-NIA (16 Disember 2020)

### Objektif

Sebagai salah satu usaha MFA untuk menggalakan pembabitan aktif para ahli dengan persatuan dan merupakan antara manfaat yang diberikan kepada ahli

### Pelaksana

JKK Rundingcara & Kebajikan

### Pengerusi

Neoh Eng Kee

### Ahli-Ahli

Mohamad Shukri Salleh
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Nabila Syafifi Rosslan



## Objektif

Sebagai salah satu usaha MFA untuk menggalakan pembabitan aktif para ahli dengan persatuan dan merupakan antara manfaat yang diberikan kepada ahli

### Pelaksana
JK Pentadbiran

**Pengerusi**
Mohamad Shukri Salleh

**Naib Pengerusi**
Khairuddin Yahya

**Ahli-Ahli**
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Siti Khadijah Mohd
Norhadi Md Yusof
Bayani Salihah Ibrahim
Sheilla Afiqah Ab Rahim

### Pelaksana
JKK Promosi & Perhubungan Awam

**Pengerusi**
Kairul Azman Mohd Yusuf

**Naib Pengerusi**
Jacky Lim

**Ahli-Ahli**
Mohamad Shukri Salleh
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Mohd Rithuddin Abd Aziz
Nurul Ain Mohd
Mohd Najib Ramli
Mohd Faizal Abd Latip
Abdullah Abu






## Sokongan Perkhidmatan

### Perkhidmatan Fasiliti Event Venue

MFA menawarkan perkhidmatan Fasiliti Event Venue yang sesuai untuk mengadakan kelas, bengkel, mesyuarat, takilimat dan jamuan. Terletak di Tkt 3, Pusat Latihan MFA boleh memuatkan kapasiti tetamu sehingga 20 hingga 60 orang mengikut saiz bilik. Terdapat 3 bilik yang dilengkapi dengan kemudahan seperti kerusi meja, projektor, skrin projektor, PA sistem, papan putih, flip chart, wifi dan penghawa dingin. Lain- lain kemudahan adalah dispenser air, surau, pantri dan tempat letak kereta bawah tanah. MFA juga menyediakan perkhidmatan tambahan seperti pengurusan majlis dan katering.

### Perkhidmatan Sidang Video dan Applikasi Zoom

MFA telah mengadaptasi kaedah digital dalam pelaksanaan aktiviti dengan mempunyai kemudahan sidang video dan akaun applikasi zoom. Memandangkan kemudahan ini juga diperlukan oleh sebahagian ahli yang tidak mempunyai kemudahan ini, MFA ingin menjemput para ahli untuk menggunakan kemudahan ini dengan caj yang minima. Tempahan perlu dibuat sekurang-kurangnya seminggu sebelum hari yang diperlukan.

### Perkhidmatan Pengurusan Acara

MFA juga menyediakan perkhidmatan pengurusan acara kepada ahli yang memerlukan bantuan dalam penganjuran acara bagi melaksanakan aktiviti atau pelancaran produk perniagaan. Kemudahan ini dibuat bagi membantu ahli untuk merancang dan menguruskan majlis atau acara yang hendak dilakukan. Perkhidmatan meliputi antaranya pembentukan atur cara yang unik dan menarik, kemahiran protokol, publisiti, sambutan, teknikal, persembahan dan muzik, makanan dan minuman, dekorasi, dan lain-lain yang berkaitan.

### Perkhidmatan Pakej Media

Perkhidmatan Pakej Media dibuat bagi membantu ahli untuk mempromosikan jenama syarikat mereka kepada umum melalui saluran komunikasi MFA dan media arus perdana. Perkhidmatan ini meliputi khidmat pengiklanan dan editorial di media elektronik, media cetak dan media digital, hebahan berita serta penganjuran sidang media. Pelbagai pakej disediakan mengikut keperluan syarikat. Selain itu, MFA juga menyediakan khidmat rekaan grafik dan penyediaan item promosi bagi tujuan ini. Perkhidmatan ini terbuka kepada ahli dan bukan ahli. Pada tahun 2020, Korea Trade-Investment Promotion Agency (KOTRA) telah melanggan perkhidmatan hebahan media di platform media MFA untuk menghebahkan program yang dilaksanakan oleh KOTRA pada 9 Disember 2020.



# Promosi& PENGIKLANAN




*"Program Promosi dan Pengiklanan secara komprehensif dibuat bagi mewujudkan kesedaran mengenai peranan dan aktiviti MFA, mempromosikan peluang perniagaan francais yang beretika, menyampaikan maklumat terkini industri francais serta menarik minat bakal usahawan atau syarikat untuk menceburi bidang francais. Perlaksanaan program ini dapat membantu MFA meningkatkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai kepada francais dan menjadikan MFA sebagai rujukan dalam perniagaan berkaitan francais. Ini juga dapat membantu kepada pertumbuhan industri francais Malaysia dan meningkatkan sumbangan francais kepada ekonomi negara."*

**Mohammad Shukri Salleh**
*Setiausaha Agung*

## Objektif

Bertujuan untuk menghebahkan dan berkongsi maklumat dan pengetahuan mengenai MFA, para ahli dan industri francais di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kepada para ahli, penggiat industri dan masyarakat. Selain itu, ianya juga sebagai satu cara untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan jenama MFA sebagai sumber rujukan francais.

## Pelaksana

JKK Promosi & Perhubungan Awam

### Pengerusi

Kairul Azman Mohd Yusof

### Naib Pengerusi

Jacky Lim

### Ahli-Ahli

Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Nurul Ain Mohamad
Najib Ramli
Mohd Rithauddin Abd Aziz

## Liputan Media

### Liputan Berita di Media Cetak Arus Perdana

MFA bertanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan pelan promosi di media dengan menerbitkan iklan dan editorial berkenaan MFA dan program anjuran MFA di media arus perdana. Sepanjang tahun 2020, MFA telah melaksanakan iklan dan editorial di akhbar Berita Harian, The China Press, Harian Metro, New Straits Times, The Edge, Asia Franchise, Business Today dan Franchise Asia. Sepanjang tahun 2020 terdapat sebanyak 90 liputan media mengenai MFA, ahli dan industri francais telah diterbitkan.

### Liputan Berita di Media Eletronik Arus Perdana

Dalam usaha mempromosi industri francais dan aktiviti-aktiviti anjuran MFA serta ahli-ahli, sebanyak 21 liputan media elektronik daripada 5 media arus perdana melalui program temu bual, iklan dan liputan berita telah diterbitkan. Senarainya adalah seperti di Jadual di bawah.

| PLATFORM MEDIA | PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|
| BFM | BFM Radio | 16 Dis 2020 |
| BFM | BFM Radio | 14 – 20 Okt 2020 |
| Bernama | Bernama TV | 20 Jan 2020 |
| Bernama | Bernama Radio | 14 Okt 2020 |
| Bernama | FB & Website | 14 Okt 2020 |
| Bernama | Bernama TV - Crawler | 16 Okt 2020 |
| Bernama | Bernama FB - Infografik | 17 Okt 2020 |
| Bernama | Bernama FB - Infografik | 21 Nov 2020 |
| China Press | Website | 1-21 Okt 2020 |
| Media Prima | TV3 - Crawler | 14 Okt 2020 |
| Media Prima | Hot FM - ROS | 15 – 21 Okt 2020 |
| Media Prima | Hot FM - ROS | 3 – 9 Dis 2020 |
| Media Prima | TV3 – Special Report | 4 Dis 2020 |
| RTM | Berita TV1 | 20 Jan 2020 |
| RTM | Bicara Pengguna | 21 Sep 2020 |
| RTM | Selamat Pagi Malaysia | 14 Okt 2020 |
| RTM | Berita TV1 - Crawler | 12 - 21 Okt 2020 |
| RTM | Bicara Pengguna | 19 Okt 2020 |
| RTM | Nasional FM - ROS | 21 – 26 Nov 2020 |
| RTM | Berita TV1 – Crawler | 22 – 26 Nov 2020 |
| RTM (MYTV) | Bicara Pengguna | 30 Nov 2020 |




19 OKT 2020-BICARA PENGGUNA-FIM2020 SEDIA PELUANG MENJADI USAHAWAN
211 views • 19 Oct 2020 4 0 SHARE SAVE






## Promosi & Iklan Media Digital

### Promosi di Media Sosial

MFA giat mempromosikan ahli dan aktiviti ahli melalui 4 saluran media sosial iaitu Facebook, Instagram, Twitter dan Laman sesawang MFA. Sepanjang tahun 2020 sebanyak 253 poster dan infografik berkaitan MFA, ahli dan industri francais telah dihebahkan melalui pelbagai saluran media sosial MFA**.**

- Facebook/franchiseMalaysia,
- Instagram@franchisemalaysia.
- twitter@FranchiseMY,
- Youtube/MyFranchiseHub,
- LinkedIn/Malaysian Franchise Association
- Telegram/https://t.me/myfranchise

### Laman Sesawang MFA

MFA juga turut memuatkan profil ahli ke dalam laman sesawang bagi tujuan promosi dan ahli juga turut berpeluang mengiklankan sistem francais mereka melalui laman sesawang ini. Sebanyak 128 Ahli Biasa telah menerima manfaat ini di mana logo dan profil mereka telah dipaparkan di laman sesawang MFA.

### Sidang Media

MFA telah melaksanakan sidang media yang merangkumi penyediaan nota ucapan, kenyataan akhbar, jemputan media dan lain-lain bagi program seperti jadual di bawah. Butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di Lampiran.

## Objektif

Bertujuan untuk menghebahkan dan berkongsi maklumat dan pengetahuan mengenai MFA, para ahli dan industri francais di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kepada para ahli, penggiat industri dan masyarakat. Selain itu, ianya juga sebagai satu cara untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan jenama MFA sebagai sumber rujukan francais.

### Pelaksana

JKK Promosi & Perhubungan Awam

### Pengerusi

Kairul Azman Mohd Yusof

### Naib Pengerusi

Jacky Lim

### Ahli-Ahli

Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Nurul Ain Mohamad
Najib Ramli
Mohd Rithauddin Abd Aziz




| TARIKH | PROGRAM | TEMPAT | LIPUTAN |
|---|---|---|---|
| 20 Jan 2020 | Pelancaran FIM2020 | Renaissance Hotel, Kuala Lumpur | 13 Liputan |
| 19 Jun 2020 | Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara MFA dan Shopee | KPDNHEP, Putrajaya | 8 Liputan |
| 3 Sep 2020 | Mesyuarat Agung MFA Ke-25 dan Pelancaran Virtual FIM2020 | Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur | 5 Liputan |
| 11 Sep 2020 | Jelajah Franchise Bay | MYTown Shopping Centre | 3 Liputan |









## Objektif

Melaksanakan editorial untuk temuramah dan soal jawab, menyediakan nota ucapan, kenyataan akhbar serta kata alu-aluan bagi setiap aktiviti yang disertai oleh MFA.

## Pelaksana

JKK Promosi & Perhubungan Awam

### Pengerusi

Kairul Azman Mohd Yusof

### Naib Pengerusi

Jacky Lim

### Ahli-Ahli

Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Nurul Ain Mohamad
Najib Ramli
Mohd Rithauddin Abd Aziz







## Editorial

### Ucapan

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 7 teks ucapan tetamu kehormat bagi program anjuran MFA telah disediakan dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

- Teks ucapan Pengerusi MFA, Datuk Dr Radzali Hassan bagi Majlis Pelancaran Program FIM2020 dan Virtual FIM2020, Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara MFA dan Shopee, Mesyuarat Agung MFA Ke-25, Franchise Run Like A Boss dan Jelajah Franchise Bay.
- Teks ucapan Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Dr Alauddin Sidal bagi Perasmian Mesyuarat Agung MFA ke-25 dan Majlis Pelancaran Virtual FIM2020.

### Kenyataan Media

Kenyataan media MFA disediakan untuk memaklumkan dan menghebahkan mengenai program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh MFA. Sepanjang tahun 2020, 8 kenyataan media telah diedarkan dan diterbitkan oleh media arus perdana bagi tujuan liputan berita. Butiran lanjut seperti berikut:

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| FIM2020 – Pelancaran | 21 Nov 2020 |
| Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara MFA dan Shopee | 19 Jun 2020 |
| Mesyuarat Agung MFA Ke-25 dan Pelancaran Virtual FIM2020 | 3 Sep 2020 |
| FIM2020 - Persidangan | 13 Okt 2020 |
| FIM2020 – Perasmian | 19 Okt 2020 |
| Belanjawan 2020 (Cadangan) | 4 Nov 2020 |
| Belanjawan 2020 (Sambut baik Belanjawan 2021) | 10 Nov 2020 |
| EFDP: MyDigiFex | 16 Nov 2020 |

### Kata Alu-Aluan

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 5 kata alu-aluan telah diterbitkan untuk dimasukkan di dalam penerbitan MFA dan pihak luar. Butiran lanjut seperti berikut:

| PLATFORM | WAKIL |
|---|---|
| Buku Laporan Tahunan MFA 2019 | YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi<br>*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)*<br>YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan<br>*Pengerusi MFA* |
| Malaysia Food Business Directory 2020/2021 | YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan<br>*Pengerusi MFA* |
| Franchise Mind Bil2/2020 | YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan<br>*Pengerusi MFA* |
| Franchise Mind Bil3/2020 | Ybhg. Datuk Dr. Radzali Hassan<br>*Pengerusi MFA* |

## Penerbitan

### Franchise Mind

Penerbitan Francais Mind merupakan wadah perkongsian maklumat mengenai MFA, ahli MFA dan industri francais telah diterbitkan sejak 1999 lagi. Bermula dengan cetakan hitam putih di atas kertas warna dengan tajuk Minda Francais, penerbitannya melalui banyak perubahan dari segi kandungan dan kualiti persembahan penerbitan.

Pada tahun 2011, tajuk buletin ini telah ditukar kepada Franchise Mind agar lebih komersial di peringkat antarabangsa dan diterbitkan secara dwi-bahasa. Pada tahun 2016, penerbitan Franchise Mind telah bertukar format daripada cetakan kepada format digital sepenuhnya sehingga tahun 2020. Namun, pada tahun 2020, penerbitan Franchise Mind Edisi ke-2 telah dilaksanakan secara cetakan dan digital untuk meluaskan sasaran hebahan yang merangkumi kepelbagaian umur dan lokasi. Penyusunan semula kandungan dan persembahan visual serta susun atur yang menarik telah dibuat untuk meningkatkan kualiti penerbitan.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 3 edisi telah diterbitkan dan diedarkan kepada lebih 30,000 marketing reach melalui data MFA. Jadual Penerbitan adalah seperti berikut:

## Objektif

Menerbitkan Buku / Majalah / Buletin yang merupakan wadah penyaluran dan perkongsian pelbagai idea, maklumat, berita, panduan berkaitan MFA, ahli MFA, industri francais dan keusahawanan.

## Pelaksana
JKK Promosi & Perhubungan Awam

### Pengerusi
Kairul Azman Mohd Yusof

### Naib Pengerusi
Jacky Lim

### Ahli-Ahli
Ahmad Faizal Mohamed Noor
Zuraida Jomri
Nurul Ain Mohamad
Najib Ramli
Mohd Rithauddin Abd Aziz

| TARIKH KELUARAN | EDISI | TOPIK HIGHLIGHT |
|---|---|---|
| Jun 2020 | Vol.1/2020 | Franchise crisis management during pandemic covid-19 outbreaks |
| Ogos 2020 | Vol.2/2020 | Challenges of franchise business in the new norm and tthe way forwards |
| Dis 2020 | Vol.3/2020 | Belanjawan 2021 |

### Buku Laporan Tahunan 2020

Penerbitan buku laporan tahunan MFA dilaksanakan sempena Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada setiap tahun. Pada tahun 2020, buku ini memaparkan maklumat yang komprehensif mengenai MFA, perincian laporan aktiviti pada tahun 2019 dan laporan kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Buku ini diterbitkan secara digital pada tahun 2020 dan diberikan salinan penerbitannya kepada ahli untuk rujukan dan simpanan.












Penyata

# KEWANGAN TERAUDIT

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DIS 2020

# Laporan PrestasiKEWANGAN

Pendapatan dan perbelanjaan MFA banyak dipengaruhi oleh perlaksanaan aktivitinya sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian iaitu program yang dianjurkan secara kerjasama. Pendapatan dan perbelanjaan yang diperolehi daripada program yang dianjurkan secara kerjasama ini tidak dapat dijangkakan kerana tertakluk kepada keputusan pihak Kementerian. Oleh itu, jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan mempunyai perbezaan yang agak ketara.

Namun pada tahun 2020, perbezaan ketara bagi kedudukan kewangan MFA adalah disebabkan oleh penutupan sektor ekonomi dan SOP yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Jesteru itu, kebanyakan aktiviti tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan awal memandangkan kebanyakan aktiviti MFA sebelum ini adalah secara fizikal dan perlu diubahsuai perlaksanaannya menggunakan platform digital. Akibat daripada faktor ini, kedudukan kewangan MFA pada tahun 2020, mencatatkan penurunan yang ketara berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2020, pendapatan mencatatkan RM2.151 juta (2019: RM5.750) dimana berlaku penurunan sebanyak 63% manakala jumlah perbelanjaan mencatatkan penurunan 55% kepada RM2.496 juta (2019: RM2.496 juta).

Bagi meminimakan impak kewangan MFA akibat perubahan yang tidak dijangka ini dan memastikan kebajikan ahli dan sekretariat sentiasa diutamakan, kebanyakan aktiviti telah dilaksanakan secara digital. Perlaksanaan secara digital ini dapat menjimatkan kos perlaksanaan, namun begitu ianya juga menyebabkan yuran yang dikenakan kepada peserta lebih rendah dan menyebabkan pengurangan kepada pendapatan keseluruhannya. Selain itu, faktor ekonomi semasa juga diiambil kira di dalam penetapan yuran aktiviti MFA bagi membolehkan lebih ramai orang awam dan ahli menerima manfaat daripada aktivit yang dilaksanakan. MFA juga mengambil pendekatan belanja berhemah dan penjimatan kos dalam perlaksanaan aktviti dan operasi. Walau pun begitu, kedudukan kewangan MFA pada tahun 2020 mencatatkan pengurangan pendapatan sebanyak RM345 ribu berbanding lebihan pendapatan sebanyak RM159 pada tahun sebelumnya.

## PENDAPATAN & PERBELANJAAN (RM'000)




| | Pendapatan | Perbelanjaan | Lebihan Pendapatan |
|---|---|---|---|
| 2020 | 2151 | 2496 | -345 |
| 2019 | 5750 | 5591 | 159 |

## PENDAPATAN

Pendapatan MFA keseluruhannya terdiri daripada yuran keahlian, kursus dan seminar francais, pengurusan acara, program kerjasama dan lain-lain. Pendapatan keseluruhan MFA pada 2020 mencatatkan RM2.151 juta (2019: RM5.750 juta) penurunan sebanyak RM3.599 juta akibat dipengaruhi oleh kemerosotan pendapatan daripada pengurusan acara sebanyak 70% (2020: RM0.51 juta berbanding 2019: RM1.722 juta) dan program kerjasama 76% (2020: RM0.865 juta berbanding 2019: RM3.533 juta). Walaupun begitu, Yuran Keahlian mencatatkan peningkatan sebanyak 5% (2020: RM0.343 juta berbanding 2019: RM0.328 juta), Yuran Kursus dan Seminar meningkat sebanyak 130% (2020: RM76 ribu berbanding 2019: RM33 ribu) dan peningkatan Pelbagai Pendapatan sebanyak 166% (2020: RM0.357 juta berbanding 2019: RM0.134 juta)

Pendapatan 2020 tanpa program kerjasama ini adalah sebanyak RM1.286 juta berbanding RM2.217 juta pada 2019 dimana mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 42% atau RM0.931 juta.

## PENDAPATAN (RM'000)




### Keahlian

Pada 2020, yuran keahlian adalah sebanyak RM343 ribu keahlian berbanding RM328 ribu pada 2019. Jumlah ini termasuk 40 ahli baru pada 2020 dan 27 ahli baru pada 2019. Bagi menunjukkan laporan yang lebih realisitk, MFA telah menggariskan polisi untuk mengemukakan inbois hanya kepada ahli yang mempunyai hutang tidak melebihi 3 tahun. Ahli baru akan dikenakan yuran pada kadar pro rata namun mereka perlu mengemukakan bayaran penuh keahlian tahun pertama bersama dengan yuran proses. Yuran keahlian mencatatkan peningkatan sebanyak 5% atau RM15 ribu pada tahun semasa berbanding tahun kewangan lepas. Yuran keahlian menyumbang sebanyak 16% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa, lebih tinggi daripada 6% pada 2019.

### Kursus & Seminar

Pendapatan keseluruhan bagi yuran kursus dan seminar menunjukkan peningkatan 130% atau RM33 ribu kepada RM76 ribu pada 2020. Ini disebabkan terdapat perbezaan perlaksanaan jenis program latihan serta jumlah penyertaan bagi setiap program. Pada tahun kewangan 2020, sejumlah 10 program dimana 4 Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF), 1 Kursus Pebangunan Franchisor (KPF) dan 5 Program Taklimat Mingguan Francais telah dilaksanakan berbanding 14 program latihan pada tahun kewangan yang lepas, namun jumlah peserta telah memberi sumbangan pada peningkatan pendapatan tersebut. Yuran kursus dan seminar menyumbang sebanyak 4% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun 2020 berbanding 1% pada tahun 2019.

### Pengurus Acara

Pada tahun 2020, 2 acara telah dilaksanakan iaitu Program Virtual Franchise International Malaysia 2020 (VFIM2020), dan Franchise Run Like A Boss (FRLAB2020) dengan jumlah pendapatan sebanyak RM510 ribu iaitu 24% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MFA. Manakala, pada tahun 2019, bagi acara yang sama iaitu Program Franchise International Malaysia 2019 (FIM2019) dan Malam Anugerah Francais 2019 (MAF2019) menyumbang sebanyak 30% juga kepada pendapatan keseluruhan MFA. Jumlah pendapatan bagi acara menunjukkan penurunan sebanyak 70% bagi tahun 2019 dan tahun semasa disebabkan perubahan format perlaksanaan program daripada fizikal kepada digital.

### Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan MFA terdiri daripada Geran Pembangunan Pemasaran bagi program Misi Perdagangan, yuran penyelenggaraan laman sesawang APFC, jualan penerbitan – iklan dan buku, serta penerimaan dividen dari akaun semasa dan pelaburan simpanan tetap. Pelbagai Pendapatan telah menjana perolehan sebanyak RM357 ribu pada tahun 2020 berbanding RM134 ribu pada tahun 2019 dengan peningkatan sebanyak 166 peratus. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penerimaan dividen dan sumbangan tanggungjawab sosial korporat.

### Program Kerjasama

Program Kerjasama adalah program yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA adalah hanya sebagai badan pelaksana program. Pada tahun 2020 dan 2019 yuran bagi program kerjasama adalah daripada perlaksanaan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) dimana pendapatan terbesar diperolehi daripada Sesi Padanan Perniagaan (Malaysia Digital Franchise Expo-MYDIGIFEX), aktiviti promosi bagi Program Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Kempen Jualan Malaysia (KJM) serta Perlaksanaan Bengkel Pelan Induk Francais Nasional. Pendapatan daripada program kerjasama ini menyumbang sebanyak 40% kepada pendapatan tahun semasa MFA berbanding 61% pada tahun kewangan lepas.

Pendapatan
**RM2.15 JUTA**
**2019: RM5.75 JUTA**

Kurangan Pendapatan
**RM0.35 JUTA**
**2019: Lebihan RM0.16 JUTA**

Dana Terkumpul
**RM1.22 JUTA**
**2019: RM1.57 JUTA**

# PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan aktiviti juga mengalami penurunan sebanyak 55% daripada RM5.591 juta tahun 2019 kepada RM2.496 juta pada 2020. Penurunan ini adalah selari dengan penurunan pendapatan yang disebabkan oleh kesan pandemik covid-19 yang menyebabkan aktiviti ditangguhkan atau ditukar format perlaksanaannya. Keahlian mencatatkan penjimatan perbelanjaan sebanyak 33% (2020: RM66 ribu berbanding 2019: RM98 ribu) disebabkan pengurangan perbelanjaan peruntukan hutang lapuk, belanja aktiviti dan promosi keahlian disebabkan kebanyakan aktiviti keahlian dilaksanakan secara atas talian. Perbelanjaan pengurusan acara juga mencatatkan pengurangan ketara sebanyak 79% (2020: RM0.294 juta berbanding 2019: RM1.08 juta) dan Program Kerjasama mencatatkan penurunan sebanyak 75% (2020: RM0.768 juta berbanding 2019: RM3,071 juta) selari dengan pertukaran format perlaksanaannya.

Sementara itu, belanja bagi kursus dan seminar mencatatkan peningkatan sebanyak 180% (2020: RM28 ribu berbanding 2019: RM10 ribu) disebabkan perbelanjaan ke atas jumlah peserta yang lebih ramai pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Pelbagai Perbelanjaan dan Pentadbiran juga mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 58% (2020: RM0.199 juta berbanding 2019: RM0.126 juta) dan 25% (2020: RM1.141 juta berbanding 2019: RM0.912 juta ribu)

## PERBELANJAAN (RM'000)




## Keahlian

Perbelanjaan keahlian menunjukkan penurunan sebanyak 33% kepada RM66 ribu berbanding dengan RM98 ribu pada tahun kewangan yang lepas disebabkan pengurangan perbelanjaan peruntukan hutang lapuk, belanja aktiviti dan promosi keahlian disebabkan kebanyakan aktiviti keahlian dilaksanakan secara atas talian. Pengurangan hutang lapuk ini disebakan oleh dasar akaun belum terima termasuk terma pembayaran dan kutipan hutang yang lebih tegas dilaksanakan.

## Kursus & Seminar

